



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 3089]

USUL-USUL:

Akta Kastam, 1967—

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18), 1974 [Ruangan 3089]

Akta Eksais, 1961—

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 5), 1974 [Ruangan 3090]

Ordinan Eksais Sabah (No. 18), 1959—

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 6), 1974 [Ruangan 3091]

Ordinan Eksais Sarawak (Cap. 27)—

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 7), 1974 [Ruangan 3091]

Ordinan Pemegang Amanah Raya, 1950—

Meminda Kaedah-kaedah Pemegang Amanah Raya (Bayaran), 1951
[Ruangan 3092]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 3128]

KANDUNGANNYA—(sambungan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang (Saraan, Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen [Ruangan 3093]

Rang Undang-undang Pembahagian (Pindaan) [Ruangan 3129]

Rang Undang-undang Mahkamah Keadilan (Pindaan) [Ruangan 3130]

Rang Undang-undang Pemegang Amanah (Pindaan) [Ruangan 3132]

Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan) [Ruangan 3133]

Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-peruntukan Khas) [Ruangan 3136]

Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak) (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 3140]

Rang Undang-undang (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Pindaan) [Ruangan 3141]

Rang Undang-undang Peruntukan Diraja (Pindaan) [Ruangan 3145]

Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) [Ruangan 3148]

Rang Undang-undang Bank Pembangunan Islam [Ruangan 3161]

Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No. 4) [Ruangan 3190]

JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS [Ruangan 3195]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Khamis, 19hb Disember, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk Sugut).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).

Yang Berhormat TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).

- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).

Yang Berhormat TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).

- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabohan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).

Yang Berhormat Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM AH YING *alias* LIM KIAM HOON (Padang Serai).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBANDARAN DAN LEMBAGA BANDARAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Perbandaran, Enakmen Lembaga Bandaran bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Johor dan Trengganu, dan Enakmen Perbandaran bagi Kelantan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

USUL-USUL

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18), 1974

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 101 tahun 1974 disahkan.

Tujuan Perintah ini ialah untuk melaksanakan perubahan-perubahan duti impot atas beberapa barang yang dinyatakan dalam Perintah tersebut dan yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawannya bagi tahun 1975 pada hari Selasa yang lalu bersamaan 12hb November, 1974. Sebab-sebab bagi perubahan-perubahan ini telah diberi dalam ucapan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 101 tahun 1974 disahkan.

AKTA EKSAIS, 1961

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 5), 1974

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 7 Akta Eksais, 1961 Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 5), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 102 tahun 1974 disahkan.

Perintah yang ada di hadapan Majlis ini bertujuan untuk melaksanakan perubahan-perubahan duti eksais atas beberapa barang keluaran tempatan yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawannya bagi tahun 1975.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 7 Akta Eksais, 1961, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 5), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 102 tahun 1974 disahkan.

ORDINAN EKSAIS, SABAH (No. 18), 1959

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 6), 1974

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3 Ordinan Eksais, Sabah, (No. 18), 1959, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 6) 1974 yang telah dibentangkan dihadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 103 tahun 1974 disahkan.

Tujuan Perintah ini adalah sama dengan Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 5) 1974 yang baru sahaja diluluskan oleh Dewan ini melainkan duti ini dikenakan di Sabah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3 Ordinan Eksais, Sabah, (No. 18), 1959, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 6), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 103 tahun 1974 disahkan.

ORDINAN EKSAIS (CAP. 27), SARAWAK

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 7), 1974

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3 Ordinan Eksais, (Cap. 27) Sarawak, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 7), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 104 tahun 1974 disahkan.

Tujuan Perintah ini adalah sama dengan Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 5), 1974 yang baru sahaja diluluskan oleh Dewan ini melainkan duti ini dikenakan di Sarawak sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3 Ordinan Eksais, (Cap. 27) Sarawak, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 7), 1974 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 104 tahun 1974 disahkan.

ORDINAN PEMEGANG AMANAH RAYA, 1950

Meminda Kaedah-kaedah Pemegang Amanah Raya (Bayaran), 1951

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Menurut peruntukan-peruntukan Seksyen 23 (2) Ordinan Pemegang Amanah Raya, 1950 Majlis ini membuat ketetapan bahawa Kaedah-kaedah Pemegang Amanah Raya (Bayaran) (Pindaan), 1974 yang dibuat oleh Peguam Negara di bawah Seksyen-seksyen 19 dan 23 (1) Ordinan itu meminda Kaedah-kaedah Pemegang Amanah Raya (Bayaran), 1951 lihat P.U. (A) 194/74 adalah dengan ini diluluskan dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1 haribulan Januari, 1975 dan bukannya 1 haribulan Julai, 1974 sebagaimana dinyatakan dalam Kertas Statut 108 Tahun 1974.

Bayaran yang terdapat dalam Jadual kepada Kaedah-kaedah Pemegang Amanah Raya (Bayaran), 1951, telah ditetapkan dalam tahun 1951 dan memandang kepada kenaikan belanja pentadbiran sepanjang tempoh 23 tahun yang lalu maka didapati perlulah meminda Kaedah-kaedah itu. Kenaikan itu, bagaimanapun, amat kecil kerana tidaklah dimaksudkan yang hasil dari

bayaran itu adalah untuk membayar perbelanjaan penuh Jabatan Pemegang Amanah Raya tetapi semata-mata untuk memper-sambangkan sebahagian daripadanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Menurut peruntukan-peruntukan Seksyen 23 (2) Ordinan Pemegang Amanah Raya, 1950 Majlis ini membuat ketetapan Bahawa Kaedah-kaedah Pemegang Amanah Raya (Bayaran) (Pindaan), 1974 yang dibuat oleh Peguam Negara di bawah Seksyen-seksyen 19 dan 23 (1) Ordinan itu meminda Kaedah-kaedah Pemegang Amanah Raya (Bayaran), 1951 lihat P.U. (A) 194/74 adalah dengan ini diluluskan dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1 hari-bulan Januari, 1975 dan bukannya 1 hari-bulan Julai, 1974 sebagaimana dinyatakan dalam Kertas Statut 103 Tahun 1974.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG (SARAAN, PENCEN DAN GANJARAN) ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI PARLIMEN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang (Saraan, Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Akta-akta dan Ordinan yang ada sekarang berkaitan dengan saraan, pencen dan ganjaran bagi Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen.

Pindaan-pindaan kepada Ordinan (Saraan) Menteri-menteri, 1957 dan Akta Menteri-menteri Muda, 1960 ialah untuk membolehkan Kerajaan menetapkan elaun keraian, perumahan, drebar dan orangramai bagi Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri. Demikian itu juga Akta (Saraan) Setiausaha-setiausaha Parlimen, 1965 dipinda untuk membenarkan Kerajaan menetapkan elaun rumah dan keraian bagi Setiausaha-setiausaha Parlimen.

Adapun tujuan pindaan kepada Akta (Saraan Ahli-ahli) Parlimen, 1960 ialah untuk menaikkan elaun bulanan Ahli-ahli Dewan Negara kepada \$1,000 daripada \$750 dan ahli-ahli Dewan Rakyat kepada \$1,500 daripada \$1,000 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan elaun bulanan kepada Ahli-ahli Parlimen adalah difikirkan patut dan wajar oleh kerana elaun-elaun Ahli-ahli Parlimen telah lama tidak dipinda, padahal gaji bagi pegawai-pegawai Kerajaan dan lain-lain sudah pun dipinda. Dan lagi sebagai sebuah negara yang sedang membangun kerja-kerja Wakil-wakil Rakyat telah bertambah-tambah dan kadang-kadang kerja-kerja dan tugas-tugas seorang Wakil Rakyat pada pengundi-pengundi di kawasan-kawasannya boleh dikatakan mengambil masa yang penoh. Misalnya, kalau mesyuarat Parlimen sebulan kebanyakan Ahli-ahli tidak balik ke kampung dan ke kawasan masing-masing. Oleh yang demikian, perbelanjaan perjalanan, membeli hadiah-hadiah, surat surat khairat dan ada pula yang meminta pertolongan yang dipohon oleh pengundi-pengundi telah bertambah-tambah baru-baru ini. Pada masa dahulu saya ini Ahli Dewan Negara, tetapi sekarang ini saya menjadi Ahli Dewan Rakyat, saya tahulah, Tuan Yang di-Pertua. Tambahan elaun ini adalah bertujuan untuk membaiki lagi perkhidmatan Wakil-wakil Rakyat menjalankan tugas-tugasnya. Ada setengah-setengah Kerajaan Negeri pula yang kita tahu sekarang telahpun membuat pindaan-pindaan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu Ahli-ahli Pembangkang tentu tidak bersetuju di atas pindaan ini, dan saya sedar perkara ini, tetapi saya telah lima tahun menjadi Ahli Dewan Negara, dan baru 5-6 bulan merasa pula menjadi wakil Rakyat. Saya misalkan kawasan saya sendiri di Tenggah, Mersing dan Endau yang besarnya hampir enam kali daripada Perlis, saya kena melawat lima buah pulau yang di luar Mersing itu yang mempunyai penduduk lebih kurang 4,000 orang di dalamnya. Saya baru sekali melawat di situ. Tambang sahaja \$200 dan makan, belanja budak-budak dan lain-lain \$100 lagi. Sekali pergi sudah \$300. Kemudian Ulu Endau ada lagi. Pergi pagi, petang baru sampai kerana hendak berjumpa dengan pengundi-pengundi di sebelah Sungai Endau. Di situ tambang untuk pergi dan balik sudah \$100. Ini kerja Wakil Rakyat, datang dan

pergi itu bergantung kepada elaun itu, dan bukan daripada gaji sebagai Menteri. Jadi, semuanya datang daripada elaun Wakil Rakyat. Saya bercakap di sini dengan ikhlas, daripada pengalaman saya sendiri. Selain daripada itu, bermacam-macam derma khairat lagi. Baru-baru ini bill cabut gigi pula datang kepada saya, (*Ketawa*) menyuruh saya bayar. Saya pulangkan balik. Sungguhpun saya baru lima bulan menjadi Wakil Rakyat dan Ahli yang lain-lain lagi lama, memandangkan keadaan sekarang ini, patutlah dinaikkan \$500. Tambahan pula sekarang sudah ada Pejabat Secretariat, ada pula seorang wakil memungut surat sekiranya kita tidak ada. Gajinya \$100-150 sebulan. Saya ada tiga orang wakil. Itu satu misal yang saya pandang dari pengalaman saya dan patutlah ditambah elaun ini.

Akhir sekali, Akta (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, 1971, dipinda untuk mengadakan peruntukan-peruntukan berkenaan dengan pemberian pencen kepada orang-orang tanggungan seseorang yang mati semasa menjadi Ahli atau Anggota jika ia telah genap sembilan tahun perkhidmatan masuk kira. Jika tidak ada orang tanggungan, pencen akan dibayar kepada wakil-wakil di sisi undang-undang ahli atau Anggota Parlimen itu. Pencen boleh diberi jika ia bukan seorang ahli atau Anggota pada masa ia mati dengan syarat bahawa ia telah genap sembilan tahun perkhidmatan masuk kira dan belum mencapai umur empat puluh lima tahun. Di sini saya mengingatkan, Tuan Yang di-Pertua, seorang ahli Parlimen berhak mendapat pencen sekiranya ia berkhidmat sembilan tahun atau lebih dan berumur empat puluh lima tahun ke atas baru boleh mendapat pencen. Tetapi sekiranya seorang Ahli Parlimen berkhidmat dua term iaitu sepuluh tahun, kemudian tidak dipilih lagi dan umurnya masih empat puluh tahun, maka Ahli Parlimen itu kena menunggu lima tahun lagi baru dapat pencen.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau dipilih sekali lagi?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Dia tidak masuk pilihan raya, dia tidak dapat pencen itu sehingga ia berumur empat puluh lima tahun iaitu dia kena menunggu lagi selama 5 tahun. Dalam masa itu katalah umur dia empat puluh dua tahun dia meninggal dunia,

adakah kita hendak menunggu sampai empat puluh lima tahun baru dibayar pencen kepada anak-anak dan isterinya itu? Saya menerangkan di sini undang-undang ini membolehkan dibayar serta-merta kepada isteri dan tanggungan-tanggungan walaupun pun dia belum cukup umur empat puluh lima tahun. Saya suka menerangkan lebih jelas lagi kepada Ahli Yang Berhormat. Pencen ini dibayar selama $12\frac{1}{2}$ tahun dari tarikh kematian ahli atau Anggota dan jika ahli atau Anggota itu telah menerima pencen dan meninggal dunia dalam masa $12\frac{1}{2}$ tahun dari tarikh dia menerima pencen itu, maka orang tanggungan atau wakil dirinya di sisi undang-undang akan diberi pencen yang sama sebanyak selama tempoh bakinya, yakni kalau seorang itu telah menerima pencen enam tahun dia meninggal dunia, maka anak dan isterinya atau waris-warisnya akan mendapat bakinya $6\frac{1}{2}$ tahun lagi. Bagaimanapun jika orang-orang tanggungan atau wakil-wakilnya di sisi undang-undang seorang ahli atau Anggota adalah juga berhak mendapat faedah kematian, maka mereka itu adalah dikehendaki untuk memilih samada hendak menerima faedah kematian atau pencen. Di sini saya terangkan lagi, seorang Ahli Parlimen, sekiranya dalam menjalankan tugas-tugasnya telah meninggal dunia dalam kemalangan misalnya dihempap dahan kayu semasa dia melawat kawasannya atau dalam perjalanannya iaitu kemalangan motokar untuk mesyuarat Parlimen padahal dia masih baru tiga tahun menjadi ahli Parlimen, dia berhak di bawah undang-undang kita mendapat bayaran khas seperti bayaran insuran. Dan sekiranya seorang itu telah berkhidmat selama sepuluh tahun dia pilih salah satu, samada hendak menerima bonus dan pencen di bawah undang-undang ini atau menerima faedah kematian tadi dengan jalan kemalangan, tetapi kedua-duanya tidak boleh dapat. Pilihlah mana yang lebih besar faedahnya. Ini bagi warisnya, dia tidak boleh memilih lagi sebab dia sudah mati.

Pindaan kepada Akta itu adalah juga bertujuan untuk menghapuskan had maksima pencen yang dibenarkan di bawah Akta tersebut. Di bawah Akta sekarang ini seorang yang berkhidmat sebagai Ahli Parlimen boleh menerima pencen tidak lebih daripada perkhidmatannya 24 tahun. Kerajaan memandang hal ini tidak ada sebab kita hadkan 24 tahun kerana ada Ahli-ahli

Parlimen barangkali yang hendak menjadi Ahli Yang Berhormat sampai berumur 70 tahun, 34 tahun atau 30-40 tahun menjadi Ahli Parlimen, maka dia mendapat lebih. Sekarang kita tidak hadkan 24 tahun. Sekiranya menjadi Ahli Parlimen lebih daripada 24 tahun maka lebihlah pencennya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

2.58 ptg.

Tuan Fan Yew Teng: Tuan Yang di-Pertua, disamping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin juga bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah satu Rang Undang-undang yang boleh dianggap omnibus kerana ianya bertujuan meminda lima Rang Undang-undang dan Ordinance yang wujud sekarang. Rang Undang-undang yang omnibus ini tidak boleh dikatakan tidak menasabah atau progressive sekiranya ianya bertujuan untuk melindungi atau mengelakkan kepentingan orangramai dan perkara melindungi kepentingan orangramai adalah satu perkara yang mulia yang kita telah berikrar mempertahankannya semasa kita mengangkat sumpah di Dewan yang mulia ini. Tetapi malangnya, apabila sesuatu Rang Undang-undang yang omnibus seperti Rang Undang-undang ini yang hanya bertujuan untuk memperlindungan kepentingan Wakil-wakil Rakyat sahaja, samada mereka itu Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen ataupun Ahli-ahli Parlimen sahaja, Rang Undang-undang ini yang omnibus adalah tidak patut kerana ianya tidak perlu dan tidak adil.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, paragraphs (1) and (3) of the Schedule of the Bill seek to allow the Government to fix the entertainment allowance, motor cars and syce allowance, servants' allowance and the housing allowance for Ministers and Deputy Ministers. Paragraph (4) of the Schedule of the Bill seeks to allow the Government to fix the housing and entertainment allowances for Parliamentary Secretaries.

We appreciate the necessity of Ministers, Deputy Ministers and Parliamentary Secretaries to entertain, in the course of their official duties, but surely their present entertainment allowances are more than enough to meet this need. In fact, in these times of financial stringency they should spend more time and energy on their work rather than on entertainment. Moreover, who is to determine when official entertainment ends and party and/or private entertainment begins? Is there a record kept somewhere for such a purpose?

When the great majority of our people, in both the rural and urban areas, are suffering the worsening effects of stagflation, there is clearly the urgent need for Ministers, Deputy Ministers and Parliamentary Secretaries to drastically cut down on spending public funds on sumptuous lavish and elaborate dinner parties, buffets and cocktails.

However, it appears to be too much to expect the "Neros" in the Government to stop feasting and fiddling while the hungry stomachs of hundreds of thousands of Malaysians are burning.

Paragraphs (1) and (3) also carry proposed amendments to allow the Government to fix driver and servant's allowances and housing allowances for Ministers and Deputy Ministers, while Paragraph (4) of the Schedule carries amendments to allow the Government to fix housing allowances for Parliamentary Secretaries.

Mr Speaker, Sir, we are not against the need for the drivers and servants of Ministers and Deputy Ministers to be adequately paid; as a matter of fact, we knew for sure that hitherto, most of the drivers and servants working for Ministers and Deputy Ministers have been underpaid and often overworked.

Neither are we against the idea that Ministers, Deputy Ministers and Parliamentary Secretaries need to be decently housed. We are reasonable enough people to appreciate that they are also human beings in dire need of this basic human requirement. So we have no quarrel about housing Ministers, Deputy Ministers and Parliamentary Secretaries, for the simple reason that we cannot expect Honourable VIPs like them to join the ranks of hundreds of thousands of squatters in the country.

Be that as it may, Sir, what must be seriously and strongly objected to is the almost surreptitious attempt to write a huge blank cheque to the Government to deal with the fixing and payment of all these allowances, namely, entertainment allowance, syce and servant's allowances and housing allowances.

In place of the existing fixed and regulated rates, the proposed amendments are designed to empower the Government to fix and revise the rates of such allowances according to and I quote, "such amount as may from time to time be determined by the Government" or "payable at rates as may from time to time be determined by the Government."

These are very vague and wide provisions. It also means that after the passage of this omnibus Bill, the Government will not be required, ever after, to come back to this House to ask for any increases. That is why I say this is a huge blank cheque. This House is today asked to play Santa Claus, presumably under the guise of "the need to uphold the prestige and dignity" of Ministers, Deputy Ministers and Parliamentary Secretaries.

How sad indeed, Sir, to be reminded that mortals still do not realise that their "prestige and dignity" do not come about as a result of the size and shape of their cars or houses or because of the supposedly memorable and extravagant dinner parties they throw.

Mr Speaker, Sir, I am of the firm opinion that these vague and wide provisions are designed to actually usurp the powers of Parliament to regulate and scrutinize the expending of public funds.

Who is to ensure that these sweeping powers for the Government to fix such rates of payment, as and when it likes, will be used reasonably and intelligently rather than mercilessly abused and misused?

Mr Speaker, Sir, Paragraph (2) of the Schedule of the Bill seeks to amend the Parliament (Members' Remuneration) Act, 1960 yet once again. This time, the purpose of the amendments is to increase the monthly allowance of Members of the Dewan Negara or Senate from \$750 to \$1,000 and Members of the Dewan Rakyat from \$1,000 to \$1,500.

Alas, Malaysians who did not get elected as Members of Parliament or did not even stand for election in August as well as Malaysians who have not had the good fortune to get nominated and appointed to the Senate, must right now be full of remorse and envy as Parliamentary politics in Malaysia for those practitioners who are favoured by Fortune's smile, is proving increasingly to be such a rewarding and lucrative business.

I, for one, will not be surprised if, in the coming years, the majority of Malaysians begin to abandon their various traditional occupations and professions to try their luck with the treasure hunt of politics. What kind of politics we shall have as a result is, of course, extremely hard to predict though.

Mr Speaker, Sir, the two main arguments to be advanced by those who support these phenomenal increases for M.Ps and Senators are that they need more money to carry out their work and that inflation has adversely affected their financial capacity of service.

For Senators, who have no constituency responsibility and who hardly represent anybody apart from themselves, neither of these arguments can apply.

As for elected Members of Parliament, they should be among the last people in the country to need or to ask for an increase in their allowances. Just a few years back in the last Parliament, we were given a substantial increase in our allowances. Where is the justification for another huge increase? Are these handsome increases going to be almost five-year rituals to be worked out shortly after General Elections? If so, be kind enough to let us know, so that we could perhaps mention them in our future election manifestos.

As at present, Members of Parliament already can be said to be having it never so good. They are already receiving a monthly allowance of \$1,000, together with a monthly travelling allowance of \$150. Phone calls are free; mailing of official constituency and Parliamentary business is free; travel by rail in First Class comfort by Malayan Railway and by the Sabah State Railway anytime is free; free medical facilities at First Class rates; and on top of all these perks and privileges,

we are being pampered with more than adequate subsistence allowance and mileage claims during meetings like these; and now we are asking to be further pampered. Are we God's special children?

Further, it is proposed to pamper us with more attractive terms for pensions and gratuities as intended in Paragraph (5) of the Schedule of the Bill. The present pension factor for civil servants is 1/800; they have to work for 400 months to be entitled for full pension, after the age of 55. For Members of Parliament and Ministers the pension factor is going to be 1/540 after age of 45; and the gratuity factor is 1/96.

Mr Speaker, Sir, all in all, this Bill is retrogressive and reactionary. It is highly regrettable and unfortunate that among the very first business to be conducted in this newly-elected House is this indecent haste and unblushing determination to increase the allowances, privileges and perks of Members of Parliament, Ministers, Deputy Ministers and Parliamentary Secretaries. Is not this promoting self-interest?

I say this is a classic case of greed and self-interest shamelessly masquerading as diligence and national interest respectively.

It is argued that M.P.s need more money to do their work. Who is to guarantee that M.P.s will, in fact, do more work in their constituencies with an extra allowance? There is no way or system to ensure that. They are not required to present monthly statements of accounts to show how the extra \$500 are being used in terms of constituency service and constituency visits. Are they required to declare their assets?

Mr Speaker, Sir, we must remember that it is highly fallacious to imagine that more allowance will inevitably mean more service, let alone better service. If the quality and quantity of constituency service of M.P.s are to be respectively improved and increased, then a better way to bring this about is to provide full-time clerks and/or secretaries for them. In this way, employment is at the same time given to a good number of our young men and women with the relevant and suitable qualifications.

Almost everyday, the people are being told to sacrifice, to save and to tighten their belts in these difficult times of stagflation. Only

yesterday, for instance, in the *Utusan Melayu*, it was reported, Sir, in headlines "Stagflasi—orang ramai digesa berjimat seberapa boleh", by Yang Berhormat Tan Sri Haji Ghazali Jawi, Menteri Besar of Perak.

Mr Speaker, Sir, they are also told to work harder for the national interest. But what do they see? Do they see the people who pontificate such pious platitudes setting the example? No, on the contrary, they are seeing the high priests of national interest and sacrifice as the hypocritical Pharisees who want them to do what they say but not follow what they actually do. Isn't this a case of vice attempting to pay homage to virtue? Do Members from the other side have the same sense of urgency and same degree of generosity in regard to the long-standing claims for better pay and conditions of service of hundreds of thousands of our workers in the Public Sector? The undemocratic and highly arbitrary ban on industrial action by the National Union of Postal Uniformed Staff is answer enough. The manner in which the legitimate claims of the staff of Parliament itself is treated is another indication.

Is it any wonder that it was said by many workers of the Lembaga Letrik Negara, when they went on industrial action some months back, that it took them something like 20 years and yet they could not get all their outstanding claims settled or met by the Government, whereas no sooner than the General Election was over in August, Government leaders and M.P.s were already talking about increasing their own allowances by 50%?

With such excesses and blatant injustices of what is essentially a one-dimensional society so fully and shamelessly portrayed, can anyone blame the students for their utter disillusionment with and anger at the Government?

Mr Speaker, Sir, the great majority of our people in the kampungs, the new villages, the estate settlements and the urban slums are going through a most difficult time; tens of thousands have just been retrenched, and more are going to get notices of retrenchment in the coming months. Petty traders and hawkers, including many newly-established bumiputra ones, are adversely affected by the rigours of galloping inflation. And here

today, Members on the other side are behaving as if they were blind and deaf, without sympathy let alone empathy, to the fears and sufferings of the people.

Then there is one non-argument which is largely, even if unconsciously, prompted by arrogance of power. It will no doubt be said that the Government has the full support of the people on this Bill as indicated by the results of the General Election in August. As I said, this is a non-argument and a silly argument if it is an argument at all. How can it be said that the vast majority of the people support the Government on this matter when this issue was never put to them at the time of the General Election? The Barisan Nasional never had the courage or the honesty to tell the people what they were heading for in this respect. Or, unless you are prepared to hold a referendum on this matter now.

People in many parts of the country do not have enough to eat, notwithstanding what the so-called surveys conducted by the Bernama News Agency have to claim. After all, Bernama has such low credibility among wide sections of the population that it has been termed the "Banana News Agency".

The people expect, and rightly so, the Government and their duly elected Members of Parliament to take the lead, to set the example, in belt-tightening. However, the principal product of such expectations seems to be nothing but deeper despair, greater scepticism and sharper cynicism with regard to Government pronouncements and ministerial exhortations.

Mr Speaker, Sir, we in the D.A.P. oppose this Bill as it is not designed to promote the public interest. Of course, I expect Members from the Government side to say that much as we oppose this Bill, we will be receiving the increases all the same. For the information and benefit of this House, I would hereby declare on behalf of my other Parliamentary colleagues in the D.A.P. that should the increases be sent to us, we will utilise them to set up an Education Fund—with an initial \$100,000—for needy students.

Mr Speaker Sir, I had originally thought of proposing that all parties withdraw their whips so as to allow their Members to speak and vote freely on this Bill. However, experience has convinced me that it would

be a futile exercise given a situation whereby Members of Parliament from the other side cannot be expected to act in any sensible and courageous manner except as pathetically self-condemned prisoners of their own narrow prejudices and interests. But the rakyat are not likely to easily forget, I am convinced that they are similarly unlikely to forgive.

3.15 p.m.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengikuti ucapan Ahli Yang Berhormat dari Menglembu, dan saya harap Tuan Yang di-Pertua, akan mengizinkan saya menyulam bahasa Inggeris di mana-mana yang perlu dalam ucapan saya, kerana dalam bahan-bahan yang saya telah kumpul, ada juga termasuk bahan-bahan yang telah diberi kepada saya oleh Kedutaan-kedutaan Besar beberapa buah negara yang memberi angka-angka dan keterangan bagaimana kedudukan dan keadaan Ahli Parlimen di lain-lain negeri.

Sebelum saya mengemukakan hasil daripada siasatan yang saya telah jalankan ini, saya suka hendak menyatakan bahawa soal ini bukanlah satu soal yang senang bagi kami dari pihak Kerajaan ataupun back-bencher, kerana saya sendiri telah memenungkan perkara ini. Dan saya sendiri pada satu saat telah terasa kalau kita hendak menjaga supaya jangan disalah-sangka oleh orang ramai, dan sebagaimana yang dituduh cara melulu tadi dan juga barangkali akan diapi-pikan oleh pihak Pembangkang nanti samada elok atau tidak kita menenguhkan sahaja perkara ini. Saya pun telah berunding, berpakat, bertukar fikiran dengan rakan-rakan dalam parti, dan saya rasa orang ramai patut diberitahu bahawa perkara ini tidaklah kerana kami diperintah sebagaimana yang dikatakan tadi. Kalau kami mengambil satu-satu sikap ataupun mengambil satu-satu keputusan, kerana sehingga hari ini, sehingga saat ini kami belum lagi menerima sebarang Whip, samada one line, two lines, three lines, tidak ada line langsung. Setakat saat ini kami belum dan tidak menerima sebarang arahan atau perintah daripada pihak Whip supaya mengambil satu sikap ataupun mengundi satu-satu cara dalam perkara ini. Jadi tak payahlah pihak di sana mengajar kami untuk mengambil sikap dan saya sendiri mengambil sikap selepas berfikir panjang ialah satu sikap

yang saya fikir patut kita terangkan kepada orangramai, iaitu kita tahu barangkali ada setengah orang akan tertarik oleh dakyah macam yang dikemukakan tadi. Tetapi kita sebagai wakil rakyat, kita sebagai orang yang diberi tanggungjawab untuk menjalankan kerja-kerja kita demi kepentingan negara, demi kepentingan cara sistem demokrasi yang kita amalkan ini juga sambil bekerja, berusaha untuk rakyat jelata dan orang-orang kita yang kita wakili itu bertanggungjawab supaya dalam kita membuat keputusan dalam Dewan ini tidak terpengaruh semata-mata kerana popularity, tidak terpengaruh semata-mata kerana takut menang atau rugi dalam undi. Takdirnya kalau orang ini pandai berpropaganda, keluar pergi membuat propaganda sehingga orang membencikan kita sampai kita itu ditolak walaupun timbul keadaan semacam itu. Keputusan yang saya akan ambil itu tidak akan terpengaruh oleh ugutan semacam itu.

Barangkali elok di sini saya sebutkan satu pendapat daripada seorang philosopher dan pemikir politik Inggeris yang termasyur, Edmund Burke.

Kata dia:

"It ought to be the happiness and glory of a representative to live in the strictest union, the closest correspondence and the most unreserved communication with his constituents. It is his duty to sacrifice his repose, his pleasures, his satisfaction to theirs and, above all, ever, and in all cases, to prefer their interests to his own."

Akan tetapi Edmund Burke juga pernah berkata:

"Your representative owes you not his industry but his judgement and he betrays instead of serving you if he sacrifices it to your opinions."

Pendapat semacam inilah yang mendorong saya mengambil sikap, kerana saya percaya secara jujur bahawa maksud dan tujuan ini bukan semata-mata untuk meng kayakan kita atau menyenangkan kita, akan tetapi supaya dapat kita lebih berkesan dalam usaha dan kerja kita mewakili rakyat yang telah memilih kita, supaya dapat kita membentuk pejabat-pejabat, bukan satu, **kalau** boleh lebih daripada satu di mana kawasan yang luas itu, dan di situ boleh menempatkan orang-orang yang boleh menolong kita yang

mereka terpaksa bergantung kepada kita mencari nafkah. Gaji mereka tidak besar. Saya sendiri membayar gaji tetapi kalau ikut kemahuan rakan-rakan kita di sebelah sana tadi, dia sendiri mengatakan barangkali gaji-gaji dan bayaran untuk orang-orang yang digaji oleh Menteri-menteri tidak cukup. Itu kita tahu sebabnya! Sebabnya menghasut lagi supaya derebar-derebar dan pekerja-pekerja Menteri-menteri benci kepada Menteri-menteri, dan boleh barangkali membocorkan berbagai-bagai rahsia kepada mereka ataupun membuat sesuatu yang tidak menyenangkan Menteri-menteri. Tetapi saya beritahu bahawa orang yang saya minta tolong di kawasan pilihanraya (constituency) saya pada waktu ini, saya tidak boleh bayar lebih dari \$150 atau \$200, kalau lebih saya bankrupt kerana bukan dia seorang, lain lagi ada. Adakah mereka dari pihak pembangkang ini bersetuju, lepas dia bercakap besar mahu beri gaji secukupnya kepada orang-orang yang membantu Menteri, Ahli-ahli Parlimen itu mampu sekadar seorang pembantu kita di kampung dengan memberi pendapatan hanya \$100-\$150. Tentu kalau dia jujur, kalau dia tidak bersikap hypocrisy, akan mengakui keberatannya seseorang yang diminta tiap-tiap hari pergi menunggu di pejabat menerima talipon, menerima orang, menaip surat, menulis surat, dia jadi macam-macam seperti kerani, executive officer, petition writer, kemudian melawat pula ke kampung-kampung untuk berjumpa orang. Orang semacam ini pada waktu ini kita dapat membayar hanya \$150 sebulan. Saya sendiri merasa sulit akan tetapi dengan keadaan yang kita hadapi sekarang ini, bolehkah kita membayarnya? Saya kata tidak boleh! Jadi ingat. Saya harap rakyat, orang-orang yang di luar Dewan ini (dan saya meminta kawan-kawan saya daripada pihak suratkhbar itu, jangan terpengaruh secara emotional bagaimana ucapan Ahli Yang Berhormat dari Menglembu tadi) fikirkan secara objektif. Biarlah kita buat satu judgment yang berasas kepada maksud dan tujuan yang jujur.

Tujuan kita, saya ulangi, bukan kerana kita mahu melebihi wang dalam kocek kita, tetapi kerana kita mahu sedikit tambahan untuk membolehkan kita belanja, mengongkosi atau menanggung perbelanjaan supaya layanan kita terhadap rakyat jelata, urusan kerja kita lebih licin, lebih sempurna dan lebih elok. Itu yang kita mesti terima,

bukan sahaja pihak di sini, juga pihak sana sebab saya rasa keadaan semacam inilah yang menunjukkan kita belum matang lagi dalam lapangan politik. Sikap yang diambil oleh pihak Pembangkang itu menunjukkan mereka belum lagi matang menjalankan pemerintahan secara demokrasi. Mereka menjalankan pemerintahan secara menghasut serta membodoh-bodohkan orangramai, menghasut orang dengan secara emotion dengan melupakan bahawa kita di sini mewakili orangramai, kerana kepentingan negara, bukan kerana hendak menjatuhkan satu parti atau hendak mencari sebarang kesempatan. Dapat sahaja kesempatan, dia hendak gunakan untuk "party advantage", tidak kira samada rosak demokrasi, rosak Kerajaan ini, rosak keamanan, keadilan dan segala-galanya. Orang-orang yang macam ini barangkali tidak boleh kira golongan demokrasi atau yang mendokong demokrasi.

Saya suka bercakap cepat dan ringkas melaporkan kenyataan yang saya dapat dengan kerjasama dan pertolongan daripada Tuan-tuan Yang Terutama Duta-duta Besar yang ada di sini. Selama 3-4 minggu, saya telah berjumpa dan menulis surat meminta pertolongan mendapatkan bahan-bahan dan apa yang saya kemukakan ialah butir-butir yang terbit secara rasmi (official). Bahan-bahan yang telah disampaikan melalui Kedutaan-kedutaan ini berkenaan samada Parlimen atau House of Commons, Kongress atau Dewan Perwakilan negeri-negeri masing-masing. Beginilah, kalau kita hendak bandingkan negara kita, kita mesti perhatikan bagaimana negeri lain yang mengamalkan demokrasi melayan dan memberi bantuan secukupnya kepada Ahli-ahli Parlimen mereka untuk menjalankan kerja.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, in Australia a Member of Parliament gets an allowance of A\$18,600 per annum—this is equivalent to M\$58,590. This works out to A\$1,550 a month or M\$4,882.50. In addition, the Australian M.P. gets a sitting allowance for attending meetings of Parliament and Parliamentary Committees. The Australian M.P.'s allowance should be compared to the salary scales of other professional workers in Australia in order to get the correct idea of the M.P.'s standing in the Australian community.

The following are salary scales of some professional workers in Australia:

Architects:	A\$4,877 to A\$12,690 per annum (Compare this to \$18,600 plus other perks for M.Ps.)
Teachers:	A\$4,400 to A\$8,100 per annum.
Pharmacists:	A\$5,027 to A\$7,816 per annum.
Physicists:	A\$4,655 to A\$11,216 per annum.
Accountants:	A\$6,000 to A\$9,000 per annum.
Engineers:	A\$4,714 to A\$12,794 per annum.
Medical Officers (Doctors),	A\$8,201 to A\$12,883 per annum.

From these figures, it will be seen that the M.P. in Australia is paid more than double the maximum salary of an Accountant. He is well ahead of all the professional workers.

I now come to Canada. An annual sessional indemnity of C\$18,000 (M\$44,100) and an expense allowance of C\$8,000 (M\$19,600) per annum, making a total of C\$26,000 (M\$63,700) per annum are paid to Canadian Members of Parliament. This works out to C\$2,167 (M\$5,308) per month. But what is important—and this is worthy of note—is that the House of Commons in Canada provides and pays for the services of two secretaries to each M.P. for his office in Ottawa. These secretaries are on the House of Commons Establishment and are subject to the conditions of service of employment of the House. However, appointments are made on the recommendation of individual M.Ps. A Canadian M.P. who wishes to establish an office in his constituency at public expense is allowed to spend up to C\$6,000 (M\$14,700) per annum for salaries of staff selected by the M.P. himself. The House of Commons, in addition, bears the cost of the employers' contribution for unemployment insurance, hospitalisation and pension fund, etc. Rental for office in the constituency is also paid for by the House of Commons. Costs incurred in furnishing, equipping, maintenance or operation of the office in the constituency are also met from public funds up to a maximum of C\$2,400 a year. This is equivalent to M\$5,880 per annum.

Stationery requirements for the M.P.'s offices, both in Ottawa as well as in the constituency, are supplied free of charge by the House of Commons. Canadian M.P.s may call on the resources of the Translation Bureau of the Secretary of State Department for translation of official correspondence. They are also provided with printing facilities through the use of photocopying and offset printing equipment in Parliament.

There is also a language programme to help Canadian M.P.s to learn and acquire proficiency in both the official languages used in the Canadian Parliament.

Now, for purposes of comparison, how does the Canadian M.P.'s remuneration compare with the salaries of professional workers in Canada? In Canada graduates with doctoral degrees (Ph.D) start at C\$1,000 per month. Graduates with B.A. degrees in arts, science and commerce, start at C\$586 per month. Graduates with Masters degree start at C\$790 per month. From these figures, it is apparent that Canadian graduates are paid about the same amount in terms of Canadian dollars as Malaysian graduates are paid in terms of Malaysian ringgit. Therefore, if the same criterion were to be applied in the relationship between M.P.'s salary and the salaries of other professional workers, and if Malaysian M.P.'s are paid the same amount in terms of Malaysian ringgit as the Canadian M.P.'s are paid in terms of Canadian dollars, then Malaysian M.P.'s should get well over M\$2,000 per month.

But this does not take into account the provision of two secretaries in Parliament and C\$6,000 per annum for salaries of staff at the constituency office, and C\$2,400 per annum for office maintenance and operation in the constituency.

Now, take France for example. In France, the remuneration of a Member of Parliament is fixed in relation to that of the top civil servants—the *Conseillers d'Etat* (or State Secretaries)—which is now about the equivalent of M\$5,000 per month.

The minimum wage in France, fixed by law, is the equivalent of M\$3 per hour.

Though there are exceptions for top management, the normal scale of salaries range from M\$400 to M\$2,000 per month.

Now, this, word for word, is what the French Ambassador gave me on their official note paper, and all these documents are available for examination by the Opposition if they don't believe me.

In the light of this, it will be seen that Members of Parliament in France are accorded the status and are paid salaries in line with top management. Their remuneration, being fixed in relation to that of top civil servants, moves upward whenever there is an upward revision of the salaries of civil servants—quite automatically, without having to come back to Parliament again.

In the Republic of the Philippines, under the new (1971) Constitution of the Republic of the Philippines, which took effect on January 17, 1973, each Member of the National Assembly will receive an annual salary of 60,000 Pesos. I am told that the purchasing power of the Peso in the Philippines is equivalent to that of the Malaysian ringgit in Malaysia. So, if we were to follow the example of the Philippines, a Member of Parliament in Malaysia should be paid M\$5,000 per month. I am not suggesting that; it is just a statement of fact.

In the Netherlands (Holland) Members of Parliament receive a monthly salary, which they call "indemnity", of 5,434 Guilders, which is equivalent to something like \$4,690. They also receive an additional annual allowance ranging from 6,650 Guilders to 13,275 Guilders per month, which works out to something like M\$478 to M\$955 per month.

Dutch MPs also receive a travelling allowance of 4,875 Guilders per month which works out to M\$350 per month. For travelling abroad, the Dutch M.P. is paid allowances which are the same as those paid to the highest rank in the Civil Service for official travel. Therefore, they travel by First Class as compared to our M.P.'s who must travel by Economy Class. Dutch M.P.'s are put on a par with the highest rank in the Dutch Civil Service, and you can work out yourself what that should be in Malaysian terms, if we follow the example.

In the Republic of Korea, Members of the National Assembly get the equivalent of M\$6,000 per month in salary, plus various allowances in connection with their Subcommittee and Committee activities.

For purposes of comparison, the following are the Malaysian ringgit equivalents of the salaries of other workers in Korea:

University professors: M\$1,500 per month (compare that to M\$6,000 for M.P.s there).

Brigadier-Generals: M\$2,000 per month (one-third of the amount paid to the M.P.s there).

High School Teachers: M\$800 per month.

Journalists: M\$700 per month (I wish they were paid more).

In regard to our closest neighbour, Thailand, an M.P. in Thailand receives 5,000 Bahts per month—and that may sound a small figure—but he is entitled to free rides on trains and airlines within the country without limit as regards destinations or frequency of travel.

The Thai Member of Parliament's remuneration should be compared to the salaries of Thai Government Administrative Officers in order to obtain a proper perspective, and here are the figures of the salary scales of the Thai Administrative Service, which is the same as our P.T.D. here:

4th Grade of Civil Service: 750 to 2,100 Bahts per month (compared to 5,000 Bahts for the M.P. there).

3rd Grade of Civil Service: 1,150 to 2,680 Bahts per month.

2nd Grade Civil Service: 1,860 to 4,335 Bahts per month.

1st Grade Civil Service: 3,420 to 10,900 Bahts per month.

Special Grade Civil Service (the very, very top notch—only a handful of them): 5,175 to 10,900 Bahts per month.

It will be seen from these figures that a Member of Parliament in Thailand is paid as much as the top grade of the Civil Service. If we were to go by this criterion, an M.P. in Malaysia should be paid between M\$2,500 to M\$3,000 per month.

Now, let us take the united States of America. Now, this really makes you wonder how much money they have. A Member of the House of Representatives in the United States of America is paid US\$42,500 (M\$102,000) per annum or US\$3,542

(M\$8,500) per month. Every Member is provided with equipped working space in the House of Representative buildings, and is authorised to use space for two home-State offices in his constituency, plus expenses for running these offices.

As regards staff salaries—now this is very important, and it is even more than what the Members get for themselves—a Member of the House of Representatives in the United States is allowed US\$211,200 (M\$506,880) per year—more than half a million Malaysian ringgit—or US\$17,600 (M\$42,240) per month for the payment of the salaries of his staff in the office in Washington and in the two offices in his home-State constituency. He is also paid travel allowances for up to 36 round trips each year between Washington and his home-State.

Now, to compare his income to that of other workers in America, here are a few figures:

Average Lawyers ...	...	US\$34,000 per annum
Engineers ...	...	US\$20,000 per annum
White collar workers (office workers) ...	...	US\$10,000-20,000 per annum
Blue-collar workers (Industrial and factory workers)		US\$10,000 per annum

Now compare that to US\$42,500 per year for a Member of the House of Representatives in remuneration and US\$211,200 per year for the payment of salaries to his staff. It should be noted that the American Member of the House of Representatives, in addition to this, gets many other perks which we do not get.

Now, in the Federal Republic of Germany, an M.P. receives a monthly remuneration of DM. 3,630 which works out to M\$3,340. In addition, he receives a cost of living allowance of DM. 1,500 per month (about M\$1,380); and expenses allowance of DM. 1,500 (M\$1,380) per month; and a travelling allowance of DM. 1,050 per month (M\$966)—His total remuneration, therefore, amounts to DM. 7,680 per month, which is equivalent to M\$7,065 per month.

He is allowed free travel by railway as well as reimbursement of internal flights by air, anywhere in the country, in execution of his mandate—not only for attending meetings. He is allowed free use of Parliament official cars in the vicinity of Bonn, i.e. within a

radius of 20 km. or 12 miles and also to go and come back from the airport. Beyond this 12 mile radius, in addition, he can use the official cars with the permission of the Speaker, but he has to pay an amount equivalent to only one quarter of the normal fare of taxis in Bonn.

The German Member of Parliament is paid the actual cost of employing assistants such as private secretaries or personal assistants, up to a maximum of DM. 29,900 (M\$27,508) per annum, which works out to something like M\$2,290 per month. He is supplied office stationery up to the value of DM. 650 a year.

In respect of the German Parliament, there is one very interesting point and if only the Barisan Nasional were to adopt this, it will send the cold down the spine of the Opposition parties. I am only mentioning it, not because I think we should follow it, but for the information of the public and also for the education of our friends on the Opposition benches. In the German Parliament every fraction, i.e. a party with at least 10 members in Parliament, is given office space and meeting room in Parliament and is given a monthly subvention of DM. 188,000 per annum, which is the equivalent of M\$172,960, for the maintenance of its supporting staff—to run its party in other words. In addition, each fraction, i.e. a party with at least 10 members in Parliament, is paid DM. 3,085 extra per month for each member it has in Parliament. For 1974, the total payment of subventions to the various fractions in the Bundestag amounted to DM. 26,295,000, or the equivalent of M\$24,191,400.

If we were to adopt, Mr Speaker, the same practice in Malaysia, the Barisan Nasional, with its 135 members in the Dewan Rakyat, would be eligible to an annual payment of something like M\$6,673,404. What about the Opposition? The D.A.P. with its 9 members, the SNAP with its 9 members, both of which just fall short by 1, and the Pekemas with its lone member, would all not be eligible to receive a single cent. (*Ketawa*).

Of course, I am not advocating that we take advantage of this, but I think for the public, they can see for themselves if they are talking in terms of advantage for our good, aggrandisement, this and that. Other people are doing these things quite legally in the

interest of democracy, in the interests of keeping the system going. Not only in Germany, in Scandinavia but in many countries in Europe, this kind of system exists.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat?

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sedikit lagi, boleh.

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik kepada apa yang telah dihujahkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Menglembu tadi yang menyatakan kita semua hendak untung dan mendapat wang banyak dan tidak hendak sacrifice. Saya mencabar beliau. Kalau beliau boleh menunjukkan masa bertanding di dalam pilihanraya yang lalu dia telah rugi lebih daripada saya—cent for cent—pada tiap-tiap sen dia rugi lebih, saya akan beri 10 sen kalau dia sanggup menerima cabaran ini. Tetapi sebaliknya, kalau didapati bahawa saya lebih rugi daripada dia—saya daripada Barisan Nasional lebih rugi daripada dia menjadi Ahli Parlimen dan lebih sacrifice daripada dia, saya cuma minta satu sen untuk satu sen sudah cukup. Tidak tahulah samada beliau terima atau tidak. Tetapi saya hendak tegaskan janganlah dengan sewenang-sewenangnya menuduh kita semua ini mengambil kesempatan mencari kekayaan. Ada di antara kami yang telah membuat pengorbanan, dan menghadapi kekurangan kerana kami mahu berkhidmat. (*Tepuk*) Ini patut disedari oleh pihak Pembangkang, jangan untuk mempengaruhi orang luar mengabui mata orang ramai, mendusta, bohong serta perkara-perkara yang karut itu tidak berkesan.

Perkataan hypocrite telah ditimbulkan. Kalau betul-betul hypocrisy atau tidak hypocrisy, ini juga akan diuji. Ini juga satu cabaran. Kata mereka “kami tahu kalau dibangkang sekalipun ini akan diluluskan. Apabila lulus kami juga akan dapat. Tetapi tak apalah wang kami ini kami tidak akan belanja sendiri, kami masukkan ke dalam satu tabung pelajaran”. Barangkali untuk mendapat sokongan yang lebih agaknya dapat more supports atau more voters ataupun untuk menguatkan lagi partinya. Tetapi itu bukan menjadi ujian, itu bukan menjadi measure atau ukuran. Kalau betul-betul mereka bukan hypocrite di sini saya

membuat cabaran dan ketetapan memberi-tahu kepada orangramai kalau pembayaran elaun tambahan untuk Ahli Parlimen diluluskan, mereka yang cakap besar itu tidak akan menerima atau menggunakannya, tetapi sebaliknya memulangkan wang elaun tambahan \$500 sebulan pada tiap-tiap bulan terus kepada Perbendaharaan (Treasury) sepanjang-panjang masa. Kalau mereka buat begitu, kita akan kata syabas, bagus. Tetapi setakat hendak membentuk tabung derma ini semata-mata bagi kesempatan parti, mahu lebih ramai sokongan (sebab tidak cukup sokongan barangkali) inilah satu cara hypocrite. Kami cakap terus terang kami buat ini kerana kami mahu sokongan, tetapi sokongan cara perkhidmatan, bekerja dan mengadakan orang yang boleh tolong kerja, mengadakan pejabat, typewriter, perkakas, kenderaan, supaya parti kami boleh serapat-rapatnya dengan rakyat, supaya rakyat tidak payah mencari kami, kami mencari rakyat. Barangkali pihak pembangkang takut, kerana bila kita sudah dapat lebih elaun, kita akan lebih proficient, lebih berkesan, kita akan buat susunan lebih lengkap dan kita akan lebih rapat dengan rakyat. Itulah sebabnya dia takut, macam-macam momok, macam-macam cerita dibangkitkan. Saya percaya rakyat jelata tidak akan diabui mata mereka dan akan tahu dan boleh nampak dengan terus-terang Barisan Nasional tidak memerlukan wang ini untuk korek orang Barisan Nasional. Kalau kami sebagai seorang Ahli Parti Barisan Nasional menyokong dasar ini ialah demi kepentingan demokrasi, demi kepentingan rakyat supaya dapat kami lebih rapat, lebih dekat dan dapat lebih berkesan bekerja dengan rakyat, Tuan Yang di-Pertua. (*Tepuk*)

3.49 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap! Kita ada berbelas-belas lagi Rang Undang-undang ini dihadapan kita. Berkenaan perbahasaan atas Rang Undang-undang ini, saya bercadang hendak menjemput Yang Berhormat Menteri menjawab pada pukul 4.30 petang. Jadi, sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang iaitu Ahli yang dari Kepong, dan selepas itu Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional bolehlah bercakap selama lima atau sepuluh

minit seorang, tetapi pada pukul 4.30 petang tepat Yang Berhormat Menteri akan menjawab. Silakan Ahli Yang Berhormat dari Kepong berucap, cuma 10 minit sahaja.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Kepala Batas kalau saya tidak salah beliau telah bercakap lebih daripada setengah jam. Kalau boleh saya diberi 15 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sebelum daripada saya mengeluarkan hukuman (*Ketawa*). Sekarang saya sudah keluaran hukuman sepuluh minit.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris disamping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia. Saya tidak hadir apabila Menteri berkenaan membentangkan Rang Undang-undang ini, tetapi saya berpendapat beliau mengatakan elaun tambahan ini ialah sebab kita Ahli-ahli Dewan Rakyat atau Ahli-ahli Parlimen akan memberi perkhidmatan yang lebih licin dan sempurna kepada penduduk-penduduk di kawasan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, the mainstay of the Honourable Member for Kepala Batas also is that the increased allowances will mean that we will provide better services to our constituents. Now, if the Bill is based on that principle, then I fully support both the Honourable Minister and the Honourable Member for Kepala Batas. But one can achieve that, Mr Speaker, Sir, not by increasing our own allowances, one can achieve it, as the Honourable Member for Kepala Batas so eloquently put it, by providing secretaries. Now, I will willingly forego this additional \$500, if the Government will provide me with the rent that I have to pay for the offices that I have to open and for the secretaries that I have both in my dispensary and in my constituency office. Now, if the Government would provide me with that, then I will willingly forego it and support this Bill. But the Government has not chosen to do that. The Government has chosen to increase the allowances.

Now, Mr Speaker, Sir, this Bill, brought in with such indecent haste, makes most of us on the Opposition Benches blush with shame and also equally makes the taxpayers of this country particularly the workers of this

country, who have claims dating far back, some of them pending for one or two decades to also seeth with anger, because as soon as the General Election is over, the first item of business, after the Budget is passed, is to pass these increased allowances for Members of Parliament.

Now, Mr Speaker, Sir, this increase is not a small one. In terms of percentage it is a 50% increase. How many workers in this country can ever hope to have a 50% increase? If in the name of increased efficiency, the worker can also say, "Give me 50% increase, and I will work another extra two hours everyday for you", is not that an increase? It is the same logic. I do not see any reason for the allowances of the Senators, who have no constituencies, and who do not have to visit their constituents to be increased from \$750 to \$1,000. I hope the Members of Parliament on the Barisan side will not say that I am a hypocrite, because my party and I have consistently opposed any increase to the allowances for Members of Parliament. For the record, I want to say that this is my eleventh year of service as a Member of Parliament, and I have not—and I repeat, "I have not"—claimed a single cent for anything except sending my telephone bills to be paid by Parliament, and I have paid for those telephone calls that I made not on official business. This can be easily checked with Parliament. I gather that telephone bills of some—I do not say all—of the Members of the Barisan run into thousands of dollars sometimes.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada keterangan atas tuduhan itu, some Members' telephone bills run into thousands of dollars. Ada keterangan?

Dr Tan Chee Khoon: Yes, one of the telephone bills went up to thousand over dollars per month.

Mr Speaker, Sir, equally alarming as the increase in allowances is the wording throughout this Schedule in the Bill: "... be of such amount as may from time to time be determined by the Government" and "... rates as may from time to time be determined by the Government". In section 5A of the Schedule also, the term "as may from time to time be determined by the Government" is repeated. Mr Speaker, Sir, this whole Schedule is riddled with such provisions

solely to bypass the authority of Parliament. In future if the Government just says in the *Gazette* Notification, "These allowances are increased", then none of us can say anything, I do not know whether that is the intention, but this is the first time that I see that the Government seeks such a vast power in this House so as to bypass Parliament, and it does not give the people of this country a chance, through their Representatives on the Opposition benches, to have a say in such matters.

Now, Mr Speaker, Sir, other perks are also equally alarming. In the Schedule, in paragraph (1) (c) (5), one sees these words: "There shall be provided to a Minister with such number of motor cars to be maintained free of charge". I want to ask the Government, "Is it necessary, in the interests of efficiency, for a Minister to have more than one car maintained at public expense?" I say one car is more than enough, but here, it says clearly more than one car. Now I am reminded of a story of Clement Attlee. Clement Attlee used to have two cars—one an official car and the other one a small car which was his personal car—and when he was not travelling on official business, he used to drive his small car himself. "How many of our Ministers go about for their own private business in their own cars?" I want to ask. I have yet to see a Minister going about in his own private car rather than flying the flag in an official car. I hope that the Honourable Ministers would take a lesson from what I have said about Clement Attlee and that in future, when they are not on official business, when they want to go "pusing-pusing" anywhere in the country, they would go about in their private cars.

Now, Mr Speaker, Sir, the Honourable Member for Kepala Batas has done a great deal of research and he has quoted the figures from Australia, from Canada, from France, from the Philippines and from Korea. I shudder whether he wants to live in Korea or he wants to live in the Philippines. If he were to criticise President Park Chung Hee . .

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, untuk penerangan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat beri jalan?

Dr Tan Chee Khoon: Boleh.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya kemukakan itu bukan menyentuh cara pemerintahan sesebuah negeri. Saya memberikan angka-angka yang diberi kepada saya oleh Kedutaan-kedutaan Besar. Untuk menjauhkan daripada tersentuh perasaan negara dan Kerajaan berdaulat, saya harap janganlah Ahli Yang Berhormat membangkitkan perkara itu lagi.

Dr Tan Chee Khoon: Apa yang saya kata kalau sekiranya beliau beri contoh seperti ini adakah beliau hendak duduk di Republic of Korea atau Philippines?

Now, these are very enlightened figures, Mr Speaker, Sir, and I wish he can tell us, or some other Government Members can tell us, whether all these sums are subject to income tax. If I am not mistaken, quite a number of these figures are subject to income tax. Our allowances are not subject to income tax. That is the first point. Secondly, we are continually being told, "Don't compare ourselves with other countries". Of course, we cannot compare. What is the standard of living in the Federal Republic of Germany? What is the standard of living in the United States of America? Of course, we cannot compare our standard with their standards. So, comparison is invidious, and in this case it is absurd. Why does not he compare the remuneration of the Members of Lok Sabha in India, Mr Speaker, Sir? I think the Lok Sabha people each get 350 rupees or something of that sort per month and they represent not 16,000 people that some of the Members of Parliament here represent, but they represent 100,000 or 200,000 constituents, Mr Speaker, Sir. So, comparison is invidious. Unfortunately, I have not done a research on this but I should have done one. But he has done it. However, he has carefully avoided meeting the High Commissioner for India or for that matter the High Commissioner for Bangladesh, for example, or the High Commissioner for Sri Lanka or the Ambassador for Burma—all these are Asian figures. He has taken us into the highly industrialised, the highly sophisticated societies where, admittedly, these figures make my mouth water. (*Ketawa*)

Now, Mr Speaker, Sir, I wish to end up by saying that we, the Members of Parliament,

should not really have double standards, and this is what it amounts to. We today have come here to pass this Bill which will allow a 50 percent increase of our allowances. The workers up and down the country are asking, "Apa macam Ahli-ahli Dewan Rakyat mereka boleh menaikkan elaunnya bukan seringggit. Kita hendak \$2, \$3 sahaja, mereka naik \$500 sebulan—50% kenaikan elaunnya."

Now, the workers in this country, particularly the lowly paid workers in this country—the I.M.G. group of workers—are in receipt of no allowances but salaries and income perhaps in the region of maybe \$120, \$150 (at the most) a month. They are wondering, and they number by the thousands—not 154 as in this House—and they number by the thousands and they ask.

"Apa demokrasi yang ada di tanahair kita, yang mana Ahli-ahli Dewan Rakyat boleh menaikkan elaunnya dengan 50%—\$500 sebulan—tetapi kita menunggu-nunggu bukan setahun dua, bahkan 20 tahun pun belum dapat tuntutan yang dikehendaki oleh kita".

Tuan Yang di-Pertua: 20 tahun dahulu waktu British lagi?

Dr Tan Chee Khoon: Waktu British dahulu belum diselesai lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Tanya Britishlah.

Dr Tan Chee Khoon: Kita boleh katakan penjajah tidak bersimpati dengan pekerja-pekerja tetapi Kerajaan Barisan Nasional mesti bersimpati dengan pekerja-pekerja, mesti menjaga kehidupan pekerja-pekerja terutamanya sebelum kita menaikkan elaun kita di dalam Rumah yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, finally, I wish to say that I am sanguine enough to know that this Bill will be passed despite all of us on this side of this House opposing it, but history will show—and I hope the Member for Kepala Batas will be around—when the historians of the future will show whether we on this side are hypocrites or whether those opposite and by my side, who seek to enrich themselves at the expense of the taxpayers with such indecent haste are hypocrites.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-
perkerusi Mesyuarat*)

4.04 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bil yang dikemukakan oleh Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, kerana saya fikir ini adalah wajar dan kena pada masa dan tempatnya, dan juga saya suka mengambil peluang di sini mengucapkan kepada saudara saya Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas atas hujjah-hujjah dan butir-butir yang dikemukakannya tadi.

Di samping itu, saya suka hendak menasihatkan Yang Berhormat adik saya Ahli dari Menglembu supaya kalau beliau hendak mengeluarkan kata-kata seperti mana yang dikatakannya tadi, janganlah hendaknya menganalisa orang lain menurut ukuran dirinya sendiri or do not judge others like oneself. Juga saya suka menasihatkan beliau bahawa bahasa itu menunjukkan bangsa—speech indicates breeding dan juga beliau selalu menyebutkan yang kita daripada Barisan Nasional bongkak (arrogant), takbur dan sebagainya. Saya suka mengingatkan Yang Berhormat adik saya Ahli dari Menglembu bahawa Barisan Nasional, ataupun pada tahun 1969 dahulu Parti Perikatan (Alliance), bukan kerana kebongkakan kami atau arrogant maka meletusnya 13 Mei, 1969. Oleh kerana kebongkakan parti D.A.P. lah maka meletusnya 13 Mei, 1969. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi adalah kata-kata yang dangerous and poisonous. Kalau dikatakannya Bernama itu Banana, saya mengatakan kata-katanya itu adalah dangerous and poisonous, tidaklah hairan kalau ada pula orang mengatakan bahawa parti D.A.P. itu ialah Party Dangerous and Poisonous.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa ada hubungannya dengan Rang Undang-undang ini

Raja Nasron bin Raja Ishak: Hubungannya, kerana dia membantah dengan kata-kata yang tidak sepatutnya disebutkan bahawa kami daripada Barisan Nasional sebagai burung terkukur, yes-type men duduk di sini hanya memanaskan kerusi, tetapi saya minta kepada Ahli Yang Berhormat itu sebelum kata-kata dan tuduhannya itu dikemukakan, kaji dahulu latar belakang kami.

Kami bukannya driver motor car dahulu, kami bukannya menjadi crane driver, kami bukan menjadi hanya kerani biasa sebagaimana telah dikatakan, banyak di antara kami yang telah mengorbankan bukan sahaja masa, tetapi pendapatan bulanan kami datang ke sini untuk rakyat, untuk menyampaikan hasrat rakyat. Boleh dikatakan banyak di antara kami yang telah rugi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak mengingatkan kepada adik saya Yang Berhormat dari Menglembu sana, barangkali tempat ini namanya Menglembu kerana banyak lembu. Kalau dikatakannya kerana tambahan elaun ini kelak berebut-rebut orang hendak menjadi Ahli Parlimen, saya mengatakan Parti Barisan Nasional mempunyai disiplin, saya mengatakan bahawa segala calon-calon yang dikemukakan untuk bertanding telah ditapis, bukan sekali, bukan dua kali, bukan tiga kali—daripada Cawangan ke Bahagian, ke Negeri sehingga sampai ke Pusat tidak di cekup-cekup bagi calon-calon Barisan Nasional seperti calon-calon D.A.P. Saya boleh buktikan. Saya juga suka mengatakan kepada beliau bahawa kalau beliau seorang yang benar-benar yang bertanggungjawab, berani, sudah membuat tuduhan, duduk, biarpun kecut atas bawah kerana airconditioned ini, duduk tunggu. Orang hendak menjawab, ini dia lari sudah entah mana duduknya mendengar cakap-cakapan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangatlah berdukacita kerana beberapa kali saya sudah sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa janganlah perkara-perkara emosi, perkara-perkara yang boleh mendatangkan pergaduhan di luar dikata-katakan. Saya menghormati rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Kepong, sungguhpun kadang-kadang saya ada bertelingkah dengan beliau, tetapi "he is very fair" bila beliau membuat sesuatu criticism.

Misalnya, Ahli-ahli dari Parti Pembangkang khususnya D.A.P. terus-menerus membuat kata-kata dan hujjah-hujjah ini dan kata-kata dan hujjah-hujjah ini dilapurkan oleh pemberita-pemberita di akhbar-akhbar, sebenarnya mereka ini hendak mendapat cheap publicity di akhbar-akhbar, gambar besar-besar dan sebagainya; kita jarang-jarang dapat publicity. Maka apa kata orangramai nanti, Tuan Yang di-Pertua.

Ini saya khuatir. Jadi saya mengingatkan kepada rakan-rakan saya daripada parti Pembangkang yang hendak membangkang, bangkanglah, tetapi bangkang dengan cara yang teratur, membuat bangkangan secara difikir dua kali, apa akibatnya di belakang hari kelak.

Yang akhirnya, saya suka menyebutkan kepada Ahli Yang Berhormat tadi bahawa Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak sebagai Yang di-Pertua parti kami, parti Barisan Nasional, beliau bukan bersikap dictator, beliau bukan menentukan sesuatu dan menetapkan sesuatu dengan bersendirian dan sesuka hatinya, tetapi beliau dibantu oleh beberapa committee dan sub-committee. Kalaulah misalnya parti Barisan Nasional dengan majoritinya yang sebegini banyak hendak bersikap dictator sebagaimana yang pernah dituduh dan hari ini pun masih dikatakan, maka serba-serbi kami boleh tukar. Kami boleh tonggang-terbalikkan negara ini, tetapi ini bukanlah hasrat kami dan akhirnya saya meminta supaya rakyat jelata, public, pemberita bila memberitakan berita ini beritakanlah dengan seadil-adilnya supaya jangan diterima oleh rakyat hanya pada satu segi sahaja. Kami meminta tambahan sebagaimana yang telah dikatakan tadi bukan kerana untuk kepentingan kami, tetapi sebenarnya ialah untuk kepentingan rakyat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua berkata, DAP tidak payah bercakap.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, tetapi sampai 4.30 petang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau tidak ada Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Saya ada beberapa teguran.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sabar dahulu. Kalau tidak ada Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap lagi, Yang Berhormat Menteri boleh menjawab.

Tuan Lim Kit Siang: Ada beberapa teguran yang hendak saya jelaskan daripada ucapan Yang Berhormat dari Kepala Batas.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau hendak tegur waktu sedang bercakap. Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

4.13 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya kata pada mula-mulanya tadi, Ahli Yang Berhormat dari parti Pembangkang kita tentu tidak bersetuju dengan Undang-undang ini, dan terlebih dahulu saya telah berfikir tentu akan mengeluarkan kata-kata yang boleh memeritkan telinga Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali telinga saya sangat nipis, tetapi hari ini saya rasa Tuhan sangat menyabarkan hati saya. Saya mengucap beberapa kali: Innallaha maa sabirin. Saya dengan senyum sahaja tidak menjawab panjang kepada mereka itu, sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat itu bahawa kata-kata itu menunjukkan taraf dan tembelang seseorang.

Saya telah menerangkan pada mulanya tadi dan memang disokong oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak Kerajaan. Tujuan undang-undang ini, Kerajaan telah berpendapat sungguhpun kita baru lepas pilihanraya, tetapi sangatlah mustahak ditambah elau ini supaya memperkemarkan lagi kerja-kerja Wakil Rakyat kita pada menjalankan tugas-tugasnya dan tanggung-jawabnya serta kewajipannya dalam tiap-tiap daerah. Kerajaan sedar undang-undang ini ialah menambahkan elau kepada Ahli-ahli Parlimen, memandangkan kepada keadaan ekonomi kita sekarang ini, tetapi Kerajaan telah berfikir dengan panjang lebar, memikirkan iaitu rakyat jelata dan pengundi-pengundi kita faham atas tujuan Kerajaan. Kita berani, sebab itulah kita bawa; kita sedar dan tetap berani dan kita tahu suatu masa kelak iaitu lima tahun lagi ada pilihanraya. Dan kita juga sedar pada masa ini ada pilihanraya di satu tempat di kawasan kita. Kita sedar, kalaulah undang-undang ini boleh menjadi bangkangan yang besar kepada rakyat jelata, tetapi Kerajaan sedar juga iaitu bagaimana mustahaknya undang-undang ini dibawa demi kepentingan negara.

Satu dua orang Ahli dari parti Pembangkang berkata bahawa tujuan Kerajaan membawa undang-undang ini ialah hypocrite. Saya memikirkan di sini dan satu perkara yang saya hendak menjawab dan saya telah

berkata tadi bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kerajaan apakala dapat tambahan ini, saya percaya akan menggunakan wang-wang itu atau tambahan itu bagi melebihi dan untuk memperkemaskan lagi perjalanan pentadbiran dalam kawasan masing-masing. Tetapi kita tengok pihak DAP katanya: wang tambahan itu dia tidak mahu menerima tetapi diterima juga dan segala wang itu diberi kepada Education Fund. Tetapi kalau kita pandang tujuannya hypocrite. Apa sebabnya diberi kepada Education Fund dan tidak dipulangkan balik kepada Kerajaan? Tidak disebut Education Fund mana yang hendak diberi? Siapa yang hendak menerimanya? Tidakkan kalau dipungut dan dikumpulkan wang itu beri kepada Education Fund, parti DAP itu hendak menunjukkan kepada rakyat jelata kononnya ini wang; tidakkah mereka hendak mengambil pengaruh rakyat jelata dan pengundi juga? Yang lebih lagi daripada Ahli-ahli Yang Berhormat kita, tiap-tiap seorang menggunakan wang itu untuk pentadbiran kawasan. Saya bimbang mereka tidak sebut apa Education Fundnya—adakah Merdeka University? Ini yang kita bimbang. Kita akan pandang ke mana wang itu pergi kelak yang dikatakan Education Fund itu dan untuk siapa?

Berkenaan dengan teguran-teguran yang mengatakan Kerajaan telah meminda beberapa fasal memberi kuasa kepada Kerajaan untuk menetapkan Elaun-elaun Kerajaan, perayaan dan juga gaji kepada kakitangan dan yang bekerja di rumah-rumah Menteri dan Perdana Menteri, maka saya menerangkan di sini, perkara itu susah hendak ditetapkan kerana kadang-kadang berubah daripada masa ke semasa. Kita tidak mahu pada masa yang akan datang misalnya ada desakan daripada pekerja itu atau daripada dreber meminta ditambahkan sedikit duit atau elaun dreber ataupun gajinya hendak dibawa ke Parlimen juga. Dan kalau ada masanya kita hendak kurangkan pula terpaksa hendak dibawa ke Parlimen lagi. Maka dengan sebab itu, Kerajaan berpendapat biarlah Kerajaan sendiri yang menetapkan, kerana Kerajaan sedar yang dia bertanggungjawab kepada Parlimen dan rakyat jelata. Mengatakan perkara ini akan dibuat secara sunglap sahaja atau dengan diam, adalah tidak betul, kerana tiap-tiap Ahli Yang Berhormat boleh bertanya membawa perkara ini bila mesyuarat dalam

Parlimen dan boleh juga membawa bila-bila masa ada perbincangan berkenaan dengan elaun-elaun dan lain-lain kalau dibayar oleh Kerajaan itu sekiranya tidak patut daripada segi Ahli-ahli dari pihak Pembangkang.

Berkenaan dengan teguran bayaran kenaikan tambahan kepada Ahli-ahli Senator, saya pun telah berpengalaman selama lima tahun menjadi Ahli Senate, Dewan Negara. Tiap-tiap kali semasa saya di Dewan Negara; mengatakan Ahli Dewan Negara lebih senior, lebih tinggi taraf daripada Dewan Rakyat dan patut elaunnya jauh lebih tinggi daripada Ahli Dewan Rakyat. Tetapi hari ini bila saya menjadi Ahli Dewan Rakyat pula, ada pula Ahli Pembangkang mengatakan tidak patut ditambah elaun pada Ahli Dewan Negara. Saya bimbang pada bulan hadapan bila saya bawa Undang-undang ini ke Dewan Negara mereka itu tidak akan menerima \$1,000 dan mengatakan mereka patut menerima sama dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat kelak. Ini satu perkara yang timbul. Saya fikir perkara yang seperti itu janganlah kita sebut-sebutkan kerana tidak suka, dan antara satu Dewan akan memperkecil-kecilkan kebolehan mereka di mana Ahli-ahli Dewan Negara boleh membuat bermacam-macam kecaman kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat. Itu saya beritahu di sini. Kalau tidak percaya datang ke sana dan dengar ucapan-ucapan Yang Berhormat dari Dewan Negara bagaimana pula balasannya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengkritik Dewan Negara. Ini saya beritahu sahaja di sini, kerana saya telah banyak pengalaman antara dua-dua Dewan Parlimen ini.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas yang telah memberi penerangan yang panjang lebar dan saya fikir sangat menasabah kalau dibandingkan elaun yang kita tambah kepada negara kita ini dengan negara yang dikatakan itu adalah sangat-sangat rendah dan menasabah atas tambahan itu. Beliau menyebut lain daripada negeri Eropah dan Amerika. Ada juga disebutnya, misalnya, negeri Filipina, Thailand, Korea yang tidak jauh bezanya dengan kita, cuma yang beliau tidak sebut ialah negara jiran sahabat kita iaitu Singapura. Kalau hendak menyebutkan itu setaraf dengan kita sama lebihkurang. Tetapi kita tahu kalau Ahli-ahli Pembangkang mengkritik elaun dan gaji Menteri di sini

tinggi dan mahal, saya beritahu bahawa di Singapura, iaitu Menteri-menteri negara sahabat kita di Singapura yang saya tahu, gajinya masing-masing ialah \$7,000 sebulan. Oleh itu kalau hendak dibandingkan dengan Kerajaan kita, Menteri-menteri dapat \$3,000 sebulan dengan tambahan entertainment allowance dan lain-lain itu saya fikir tidaklah besar. Ini dibandingkan dengan satu negara yang berjiran dengan kita.

Berkenaan dengan motokar, saya terangkan di sini bukanlah tujuannya hendak menambahkan supaya Menteri itu dapat lebih daripada satu motokar. Undang-undang-nya ada di sini juga, saya bacakan di sini:

Prime Minister: Two Government motor-cars shall be provided and maintained free of charge, and drivers shall be provided.

Deputy Prime Minister: Two Government motor-cars shall be provided and maintained free of charge.

Ministers: One Government motor-car.

Ini cuma menyenangkan atau hendak memendekkan perkataan itu kita tidak bubuh tetapkan bilangan motokar, maka berhaklah Kerajaan menetapkan berapa motokar yang patut diberikan kepada Menteri. Saya percaya dan memberitahu di sini tiap-tiap Menteri tidak akan lebih daripada sebuah motokar, cuma Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri bagaimana kita maklum mustahak ada lebih daripada sebuah motokar. Dua buah motokar itupun, saya fikir ada negeri lain jauh lebih daripada 2, kerana kadang-kadang sebuah boleh dipakai dan sebuah lagi tak boleh dipakai, dan juga selalu sahabat-sahabat negara lain datang, bermakna hendak digunakan motokar itu. Oleh itu, saya berikan jaminan di sini sungguhpun rakyat mengatakan motokar itu tak disebut bilangannya, saya beri jaminan iaitu Menteri-menteri tidak akan diberi lebih daripada sebuah motokar.

Akhirnya, saya hendak menerangkan di sini pihak-pihak Parti Pembangkang telah memberikan hujah-hujah dan pendapatnya, pada hal Kerajaan sedar perkara-perkara yang diujjahkan itu adalah memberi lebih

kesan dan memberi faedah kepada pihak Pembangkang. Kita sedar hal itu dan kita bukan hypocrite dengan sebab itulah kita berani membentangkan undang-undang ini di masa sekarang dengan keadaan negara seperti sekarang di Parlimen ini, bukan dengan cara hypocrite tetapi dengan terang-terang supaya rakyat jelata sahaja yang akan menghukumkan pada masa yang akan datang. Walau apapun jua kata-kata oleh Ahli Yang Berhormat baik daripada pihak penyokong Kerajaan atau pihak Pembangkang, maka terpulanglah akhirnya kepada pengundi dan rakyat jelata menimbangkannya samada undang-undang ini menasabah, patut atau tidak.

Demikianlah, Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 8.00 malam.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 8.00 malam.

RANG UNDANG-UNDANG PEMBAHAGIAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.28 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bagi meminda Ordinan Pembahagian, 1958, dibaca bagi kali yang kedua.

Di bawah seksyen 7 Ordinan Pembahagian, harta pesaka si mati yang tidak berwasiat dipegang di bawah amanah bagi faedah anak-anaknya yang mencapai umur dua puluh satu tahun atau yang berkahwin sebelum mencapai umur itu. Oleh kerana mengikut Akta Umur Dewasa, 1971, yang kita telah pinda umur kedewasaan telah diturunkan menjadi lapan belas tahun, tujuan Rang undang-undang ini ialah untuk meminda seksyen 7 kepada Ordinan Pembahagian, 1958, supaya ianya seimbang dengan Akta itu. Saya memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Undang-undang ini ialah untuk pembahagian harta orang-orang yang bukan Islam sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH KEADILAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.30 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, dengan hormatnya saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Mahkamah Keadilan, 1964, dibaca bagi kali yang kedua.

Seksyen 28 (1) dan Seksyen 68 (1) (a) memperuntukkan jumlah wang yang dipertikaikan (the amount in dispute) atau nilai hal perkara (the value of the subject-matter) sebelum rayuan-rayuan boleh dibuat masing-masing daripada Mahkamah Rendah kepada Mahkamah Tinggi dan daripada Mahkamah Tinggi kepada Mahkamah Persekutuan. Oleh kerana jumlah wang atau nilai tersebut telah ditetapkan dalam tahun 1948, ataupun sebelumnya, maka ianya sekarang ketinggalan (out of date). Oleh yang demikian, adalah dicadangkan supaya jumlah wang atau nilai yang berkenaan dinaikkan dari \$100 kepada \$500, melainkan rayuan itu melibatkan soal undang-undang, dan dari \$500 kepada \$2,500. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin menyatakan di sini bahawa jumlah wang yang dipertikaikan atau nilai hal-perkara sebelum rayuan boleh dibuat kepada "Privy Council" telah dinaikkan dari \$5,000 kepada \$25,000 dalam tahun 1971.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.32 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Yang di-Pertua, saya hanya suka hendak menyentuh

satu perkara iaitu dengan kita menaikkan value sesuatu kes sebelum ia dapat dihantar ke Mahkamah Tinggi. Ini sudah tentu akan memprevent ataupun mempertahankan beberapa kes dapat pergi ke Mahkamah Tinggi dan sudah tentu mereka yang tidak dapat membawa kes-kes mereka ke Mahkamah Tinggi adalah mereka yang agak kurang kaya ataupun mereka yang berpendapatan rendah. Mungkin rational pindaan ini ialah supaya merengankan kerja-kerja High Court dan sebagainya. Sekiranya itu *raison d'être* ataupun tujuan pindaan ini, maka barangkali ada cara lain untuk mengatasinya, iaitu dengan mengadakan banyak lagi mahkamah-mahkamah.

Saya suka mengambil kesempatan ini hanya untuk memberi pandangan, ini bukanlah satu kritik, tetapi hanya pandangan. Mungkin di masa-masa hadapan sekiranya tindakan hendak diambil untuk mengurangkan kes-kes yang didengar oleh Mahkamah Tinggi, mungkin jalan yang terbaik ialah untuk menambahkan lagi mahkamah-mahkamah dan bukan secara menyekat value sesuatu kes itu sebelum ia dapat pergi ke mahkamah Tinggi oleh kerana kalau tindakan itu diambil, mungkin ini akan menyekat mereka yang berpendapatan rendah pergi ke Mahkamah Tinggi melainkan on the question of law.

4.34 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu dan tegurannya itu akan dibawa kepada pihak mahkamah dan hakim-hakim yang meminta saya bawa pindaan ini akan menimbangkan perkara itu pada masa akan datang sekiranya ia akan merugikan kepada pihak yang miskin.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEMEGANG AMANAH (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.36 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Pemegang Amanah (Pindaan) dibaca bagi kali yang kedua.

Ordinan Pemegang Amanah, 1949, sebagaimana yang terdapat sekarang ini, tidak meliputi pinjaman dan sekuriti yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan. Oleh yang demikian, pinjaman-pinjaman di bawah Akta Gerenti Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan), 1965 dan sekuriti-sekuriti yang dijamin oleh Kerajaan bukanlah pelaburan yang dibenarkan di bawah Ordinan itu. Adapun tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk membolehkan Pemegang Amanah melaburkan wang amanah dalam pinjaman dan sekuriti itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LALULINTAS JALAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.40 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Akta Lalulintas Jalan (Pindaan), 1974 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, maksud utama Rang Undang-undang ini ialah untuk membolehkan perlaksanaan cadangan mengenai pelesenan kereta-kereta motor yang telah dibentangkan pada 12hb November tahun ini oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawan tahun 1975.

Pindaan kepada Seksyen 57 Ordinan ini ialah untuk membolehkan Menteri membuat kaedah-kaedah bagi menetapkan kadar-kadar bayaran yang berlainan berkenaan dengan pendaftaran dan pelesenan kelas-kelas kereta yang berlainan.

Berkenaan dengan melesenkan kereta-kereta motor iaitu bas pentas (stage buses), bas express dan bas charter ataupun bas khas ada terlibat beberapa perkara terutamanya bayaran yang ada berkaitan dengan keupayaan enjin kereta itu dan keduanya bayaran yang ada berkaitan dengan muatan tempat duduk bas itu atau pungutan kasar dari resit tambang yang dikenakan ke atas penumpang-penumpang bas. Bayaran yang kena dibayar bagi kereta-kereta motor lain adalah berkait dengan keupayaan enjin kereta itu.

Untuk membolehkan Pendaftaran menaksirkan bayaran yang berkaitan dengan pungutan kasar dari resit, Pendaftar adalah diberi kuasa untuk menerima rekod yang dikehendaki diberi di bawah Seksyen 127 sebagai bukti tentang perkara-perkara yang dinyatakan dalamnya. Jika rekod itu mengandungi maklumat yang tidak benar yang menyentuh amount bayaran yang dibayar, Pendaftar adalah diberi kuasa untuk menghendaki pemegang sesuatu lesen menjelaskan apa-apa kekurangan tentang amount bayaran yang kena dibayar. Dengan demikian itu juga jika amount bayaran telah dibayar lebih ianya akan dipulangkan balik jika suatu tuntutan dibuat dalam tempoh dua tahun Apa-apa bayaran yang ada berkaitan dengan

pungutan kasar dari resit yang masih belum dibayar akan menjadi suatu hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan yang boleh didapatkan balik.

Pindaan kepada Seksyen 127 ialah untuk membolehkan Pesuruhjaya menerima rekod penyata kurangan dan penyata perangkaan tertentu dari pemegang-pemegang kereta perkhidmatan awam berserta dengan apa-apa maklumat lain sebagaimana dikehendaki.

Pindaan kepada Seksyen 137 ialah untuk menjadikan suatu kesalahan kerana membuat catitan-catitan palsu dalam rekod yang dikemukakan di bawah Ordinan itu atau jika rekod telah disenggara dan dikemukakan dengan cara palsu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.43 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan. Di samping itu saya suka menarik perhatian Kementerian tentang bas-bas.

Selain daripada apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan ada satu kumpulan daripada bas-bas yang saya agak harus tidak dinaikkan cukai dan bas ini pada pendapat saya salah pada segi peraturan lalulintas dalam Malaysia. Baiklah saya terangkan dengan terus terang bas-bas yang saya maksudkan ataupun kenderaan-kenderaan yang saya maksudkan itu ialah bas-bas yang datang dari negeri Thailand. Bas-bas ini setahu saya, sebagaimana yang diingatkan oleh pihak yang berkuasa, saya faham mereka amatlah dukacita kerana bas-bas yang datang dari Thailand ini boleh dikatakan apabila masuk ke negeri kita Malaysia, yang saya dapat tahu melalui dua jalan, satu melalui Padang Besar dan yang satu lagi melalui jalan Changloon dan setengahnya dinyatakan bas-bas ini tidak ada langsung cukai jalan baikpun daripada Thailand apatah lagi daripada negeri Malaysia dan boleh jadi juga tidak ada insuran. Ini akan mengakibatkan satu kerugian kepada negara kita sendiri khususnya kepada company bas yang ada dalam Malaysia dan yang

satu lagi membawakan kecederaan kalau satu-satu kemalangan yang mana bas ini tidak ada insuran dan sebagainya. Dengan sebab itu, saya berharap kepada Menteri yang berkenaan supaya mengambil daya usaha yang sungguh-sungguh supaya perkara yang sedang berlaku itu tidak akan berlaku lagi. Kita dengan negeri Thailand adalah berjiran. Tetapi walau bagaimanapun kalau satu benda itu melampaui batas, patutlah kita mengambil tindakan dan bukan setakat itu sahaja bahkan mereka itu juga telah mengambil penumpang-penumpang daripada Malaysia kita sendiri dan kebanyakan orang-orang dalam negara kita sendiri suka menaiki bas-bas daripada negeri Thailand konon katanya belanjanya murah.

Yang kedua, tentang motosikal. Saya juga menyokong di samping mengenai perkara tersebut. Saya dapat tahu daripada motosikal enjin Honda yang ada masa dahulu yang mempunyai permit C yang muatan di belakangnya dengan peniaga-peniaga ataupun peniaga-peniaga kecil yang selalu masuk di jalan-jalan kecil dalam kampung kononnya kata mereka Permit C itu akan ditarik balik dengan alasan permit-permit yang berkenaan tidak patut diadakan lagi dan akan diganti dengan motosikal yang beroda tiga. Jadi kalaulah rancangan ini sebenarnya dijalankan oleh pihak Menteri yang berkenaan, ini merugikan sangat terutama kepada peniaga-peniaga kecil khususnya peniaga-peniaga di luar bandar yang mana tujuan sebenarnya ialah supaya dapat masuk ke tiap-tiap kampung. Saya merayu kepada pihak Kementerian yang berkenaan supaya mengambil perhatian di atas perkara ini.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang berhormat dari Kangar yang telah menimbulkan dua perkara yang ada berkaitan. Yang pertama itu bas-bas daripada Thailand yang telah masuk ke kawasan kita dan menjadi satu persaingan (competition) kepada perniagaan bas kita sendiri, dan juga perkara motosikal masuk ke kampung itu, saya akan mengkaji perkara ini dengan teliti dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya nanti.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN KELAHIRAN DAN KEMATIAN (PERUNTUKAN- PERUNTUKAN KHAS)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.49 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-peruntukan Khas), 1974 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini undang-undang bersangkutan dengan pendaftaran kelahiran dan kematian terkandung dalam Ordian Pendaftaran Kelahiran dan Kematian, 1957 bagi Semenanjung Malaysia. Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Sarawak (Bab 10) bagi Negeri-negeri Sarawak dan Sabah (Bab 123) bagi Negeri Sabah. Ordinan-ordinan yang tersebut itu meliputi bagi pendaftaran kelahiran dan kematian yang terjadi dalam Wilayah Malaysia sahaja.

Tiap-tiap tahun sewaktu jemaah-jemaah haji menunaikan Fardu Haji ada berlaku beberapa kematian dan kelahiran samada dalam perjalanan ke Hadjaz sendiri atau dalam perjalanan balik ke Malaysia.

Pada masa yang sudah-sudah sijil-sijil kematian atau kelahiran dikeluarkan oleh Kapten-kapten Kapal Haji ataupun oleh pihak berkuasa Saudi Arabia. Perkara ini tidaklah berjalan dengan memuaskan oleh kerana kekecewaan ataupun kegagalan mereka yang naik Haji itu sendiri untuk melaporkan berlakunya kematian atau kelahiran kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Dengan demikian apabila mereka itu telah kembali ke Malaysia baharulah mereka sedar tentang perlunya sijil-sijil tersebut untuk kegunaan penyelesaian hartapesaka, pendaftaran persekolahan, mendapatkan kerakyatan dan sebagainya. Berikut dengan keadaan yang tidak memuaskan seperti yang telah saya nyatakan itu maka Kerajaan telah membuat keputusan untuk menguatkuasakan satu undang-undang menambah peruntukan yang ada sekarang untuk membolehkan pendaftaran kelahiran dan kematian bagi mereka yang menunaikan Fardu Haji itu.

Rang Undang-undang ini memberi peruntukan seperti berikut:

- (a) Memperuntukkan pendaftaran kelahiran dan kematian rakyat Malaysia yang sedang menunaikan Haji;
- (b) menentukan orang-orang yang berkelayakan memberi maklumat kepada Pendaftaran untuk kegunaan Pendaftaran seperti dinyatakan di Fasal 5;
- (c) menetapkan cara-cara penyampaian rekod-rekod mengenai kelahiran dan kematian.

Untuk makluman mulai musim Haji tahun ini pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telahpun menghantar seorang pegawai menyertai rombongan pegawai-pegawai daripada Tabung Haji untuk menjalankan tugas-tugas yang dimaksudkan dalam Rang Undang-undang ini. Memandangkan mustahaknya sijil kelahiran dan kematian seseorang rakyat Malaysia itu bagi kegunaan yang tertentu itu maka adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk mengadakan kemudahan yang sesuai supaya mereka yang menunaikan Fardu Haji itu tidak akan menghadapi masalah-masalah tersebut kemudian kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.52 ptg.

Datuk Stephen Yong Kuet Tze (Padawan): (*Dengan izin*) There is one point I would like to raise here. This is in regard to the provision for the registration of births and deaths among citizens occurring while on pilgrimage. What is going to happen to those who were

either born or those who die abroad or in ships while not on pilgrimage? I would like to know whether there are any provisions made for the registration of such births and deaths. If, as the Honourable Minister has said, the ship captains' or the foreign countries' certificates of births and deaths are not very satisfactory, then it will be equally so in the case of those non-pilgrims who were born or who die in other countries or on board a ship. So, I would suggest that, if possible, a provision should be made to cover all the births and deaths overseas.

4.54 ptg.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap sepatah dua tentang Rang Undang-undang yang diemukakan oleh Timbalan Menteri dan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padawan, saya juga hendak menarik perhatian Menteri yang berkenaan tentang pendaftaran.

Saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris untuk mempercepatkan ucapan saya.

(*Dengan izin*) Although this Bill concerns only those who go on pilgrimage, as the Honourable Member for Padawan has quite correctly said, there are other people who travel abroad not necessarily on a pilgrimage. But more important, Mr Speaker, Sir, in these days when the birth certificate is of vital importance, also equally important is that the correct particulars are entered into the birth certificate. Very often, a Chinese name is given to a Malay Corporal to write and thus "Tan Chee Khoon" becomes "Tan Chee Kwan". It means nothing to the Malay Corporal, but it is of vital importance to the child by the name of Tan Chee Khoon. Worse still, Mr Speaker, Sir, although my name is Tan Chee Khoon in Hokkien, but if I tell it to a Cantonese, it is Chan Chee Kwan. Thus, you can get a number of inconsistencies in the name of a father in ten different birth certificates of his children, and the father's name may be different in the ten birth certificates. I do hope that the Honourable Deputy Minister will give instructions to the Registrars of Births and Deaths that when they take the particulars of the names of the father, the mother and the child, these should be very carefully explained to the person giving the information. The person should be asked, "Is this the correct name?" again and

again. I have seen ten birth certificates in the same family with different names of the parents—the father's name is different and the mother's name is also different, ten times—and therefore if you go through the whole process, sometimes it takes years to correct the inconsistencies in the birth certificates.

The other point I want to bring to the attention of the Honourable Deputy Minister is in regard to clause 3 (1) where it is stated:

“For the purpose of carrying out the objects of this Act, the Registrar-General may appoint such number of persons as he deems necessary, whether public officers or not, to be Registrars”.

Now, since the times past, the registration has been done in the Police Stations or if the child was born in a Government Hospital, this has been done at that Government Hospital. I wish to bring to the attention of the Honourable Deputy Minister that the time has come when the Government should consider whether the registration should also be done at private hospitals, because there are deliveries running into hundreds in private hospitals. It would save the mother or the father of the newborn child a great deal of difficulty and inconvenience and if the registration can be done at the private hospitals I submit that the information can be more correctly entered into the birth certificates. This is a suggestion I would like to commend to the Honourable Deputy Minister for his consideration, because we must take into consideration the changed conditions that exist in this country.

4.58 ptg.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Padawan dan Kepong. Biasanya bagi pelawat-pelawat yang hendak ke luar negeri kalau dia sudah mengandung sembilan bulan, dia tidak keluar negeri lagi, dia tahu dia akan melahirkan anak, tetapi kematian tidaklah begitu kerap kali berlaku kepada mereka yang ke luar negeri atau melancung. Ini jarang menimbulkan kesulitan kepada waris-warisnya kalau hendak membahagikan pesaka, tetapi yang menjadi banyak kesulitan di masa yang sudah ini ialah bagi mereka yang menunaikan Fardu Haji, lebih-lebih lagi orang-orang

kampung yang tidak begitu faham mengenai soal-soal yang berkaitan dengan masalah beranak dan masaaalah kematian ini. Bagaimanapun saya akan mengambil perhatian di atas hal ini dan mengambil ingatan: diharap hal ini dapat diperbaiki jika sekiranya keadaan itu berlaku.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong walaupun masalah itu tidak ada kaitan dengan soal yang kita bincangkan ini, tetapi bagaimana yang saya faham memang ada kesulitan yang timbul—masaalah nama orang-orang China ini terlalu banyak, kadang-kadang ada lima enam namanya dan dalam bahasa Hokkien itu lain dan kalau disebutkan dalam bahasa Kongfu lain dan begitulah halnya dan saya mengambil perhatian.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tetapi kaitannya ada, sekarang ramai orang China yang beragama Islam mengekalkan namanya.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil perhatian dan mengambil ingatan atas hal ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 13 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN BALU DAN ANAK YATIM (SARAWAK) (PINDAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.01 ptg.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bertajuk Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak) (Pindaan) (No. 2), 1974, dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim Sarawak (Bab. 90) dengan mengadakan satu seksyen baru, seksyen 35 A. yang memperuntukkan pembayaran tambahan sebanyak 10% kepada pencen yang di bayar sehingga 31hb Disember, 1964, dan yang berterusan dibayar selepas itu berkuatkuasaan mulai daripada 1hb Januari, 1965. Tambahan tersebut berdasarkan kepada kiraan Akcuari di atas kedudukan kewangan Kumpulan Wang Pencen Balu dan Anak Yatim Sarawak pada 31hb Disember, 1964.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG (SARAAN) YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA DAN YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

503. *ptg.*

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Akta (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Pindaan), 1974 dibaca bagi kali yang kedua.

Sepertimana yang dijelaskan di bawah perkara Huraian Akta ini bertujuan untuk meminda Akta (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Negara, 1960, dan Akta (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Rakyat, 1960, bagi

membuat peruntukan untuk penambahan jumlah wang tahunan yang kena dibayar kepada Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat masing-masing berkenaan dengan gaji kakitangan dan perbelanjaan seisi rumah. Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum peruntukan gaji seisi rumah sebanyak \$7,000 setahun masing-masing bagi perbelanjaan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat adalah diperbuat di bawah Clause 2 kepada Jadual-jadual Akta (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Negara 1960 dan Akta (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Rakyat, 1960. Peruntukan-peruntukan ini sekarang dicadang dinaikkan menjadi \$16,000 bagi Yang di-Pertua Dewan Negara dan \$15,000 bagi Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Cadangan ini diperbuat berikutan dengan perlaksanaan tanggagaji Suffian bagi kakitangan seisi rumah. Dengan perlaksanaan tanggagaji Suffian maka peruntukan asal sebanyak \$7,000 itu tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan perbelanjaan seisi rumah bagi Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada masa ini adalah ditetapkan sebanyak \$10,000 setahun bagi tiap-tiap seorang. Peruntukan-peruntukan ini terdapat di Clause 3 kepada Jadual-jadual Akta (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Negara, 1960 dan Akta (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Rakyat, 1960 juga. Peruntukan sebanyak \$10,000 ini didapati sekarang tidak mencukupi. Ini disebabkan oleh kenaikan perbelanjaan bagi beberapa perkara khususnya bagi bayaran api. Bagi mencukupi bayaran yang semestinya berikutan dengan kenaikan bayaran harga api maka sekarang dicadangkan supaya peruntukan-peruntukan ini dinaikkan daripada \$10,000 menjadi \$15,000 pada tiap-tiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.06 *ptg.*

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan

Perdana Menteri tadi. Tetapi walau bagaimanapun, saya rasa tersinggung sedikit, kalau pada permulaan tadi tatkala kita membincangkan tentang kenaikan elaun Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang dikatakan taraf Ahli Dewan Negara lebih tinggi, tetapi tidak dinafikan tugas Ahli Dewan Rakyat juga lebih banyak, maka kita telah membuat keputusan bahawa elaun Ahli Dewan Rakyat patut dinaikkan lebih.

Tetapi bila ditengok disini adalah didapati kenaikannya adalah sama sahaja di antara Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Yang di-Pertua Dewan Negara. Saya sebagai salah seorang Ahli Dewan Rakyat berasa tersinggung sebagai yang kita ketahui bahawa Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat adalah sebagai ketua kepada kita, kalau kita dinaikkan elaun yang lebih daripada Ahli Dewan Negara, tiba-tiba Yang di-Pertua Dewan Rakyat ini dinaikkan sama ataupun kalau dibandingkan di sini daripada \$7,000 dinaikkan sampai \$15,000 bahkan \$10,000 dinaikkan sampai \$15,000. Saya merayu kepada Menteri yang berkenaan kalau hendak dipinda semula ini adalah tuntutan yang adil, pada pendapat saya. Saya berpendapat patutlah dikaji semula.

Saya sendiri sebagaimana kata Tan Sri Peguam Negara bukanlah selalu mengemukakan undang-undang, tetapi sedikit sebanyak tahu tugas dalam Dewan Rakyat ini amatlah teruk dan saya percaya kadang-kadang Yang di-Pertua Dewan Rakyat termasuk Timbalannya tentulah mempunyai banyak tugas. sebab di dalam Dewan Rakyat ini parti Pembangkang mempunyai banyak point yang kadang-kadang saya tidak biasa mendengarnya dalam Dewan Negara dahulu. Jadi dengan sebab itu, keistimewaan patut diberi kepada Ahli Dewan Rakyat khususnya kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Walaupun kita kata Dewan ini Dewan yang rendah, tetapi kita tidak nafikan bahawa kerja kita banyak samada Ahli Dewan Rakyat ataupun Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Bahkan saya sendiri kalau hendak ikut perasaan hati, saya lebih kenal Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalannya. Tetapi kalau hendak dikira dari segi hati itu termasuk Yang di-Pertua Dewan Rakyat, saya rasa satu ketika yang saya seolah-olah diasingkan diri dan kadang-kadang bangun sampai 30 kali pun beliau tidak beri bercakap. Tetapi dari segi keadilan, dimana beliau patut mendapat elaun lebih, saya

merayu kepada Kementerian yang berkenaan seboleh-bolehnya ditimbangkan semula di atas Rang Undang-undang yang tersebut, kalau boleh patut dilebihkan sedikit.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kangar, tetapi saya suka membuat sedikit penjelasan bahawa perbezaan di antara peruntukan bagi Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat adalah berdasar atau berasaskan kepada perkiraan sebenarnya seperti yang dikemukakan oleh Setiausaha Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Namun begitu, saya akan mengambil ingatan tentang hal ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3—

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Pengerusi, saya suka membawa cadangan pindaan dalam Fasal 2. Fasal 2 (1) mengatakan “Jadual kepada Akta (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Negara, 1960, adalah dengan ini dipinda—

(a) dengan menggantikan “7,000” yang terdapat bersetentangan dengan “Salaries of Staff” dengan angka “16,000”;

Dan saya baca Fasal 3 (1) Jadual kepada Akta (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Rakyat, 1960 adalah dengan ini dipinda—

(a) dengan menggantikan angka “7,000” yang terdapat bersetentangan dengan “Salaries of Staff” dengan angka “15,000”.

Saya suka mencadangkan pindaan kepada Fasal 3 (1) (a) berbunyi demikian:

3. (1) (a) dengan menggantikan angka “7,000” yang terdapat bersetentangan dengan “Salaries of Staff” dengan angka “16,000”.

Dengan cadangan itu, Tuan Pengerusi, bermakna angka yang kita beri untuk Yang di-Pertua Dewan Negara dan angka yang kita beri untuk Yang di-Pertua Dewan Rakyat adalah sama dan tidak ada perbezaannya.

Saya membuat syor ini adalah setelah menyokong apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Kangar, dan tidak payahlah saya nyatakan sekali lagi sebab-sebabnya, tetapi izinkan saya hanya menyentuh bahawa sekurang-kurangnya biarlah angka yang diuntukkan bagi Yang di-Pertua Dewan Negara sama dengan peruntukan yang diberi kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Dengan itu, saya suka mencadangkan pindaan kepada Fasal 3 (1) (a) sebagaimana saya telah bacakan tadi.

Dr Tan Chee Khoo: Mr Chairman, any amendments must be laid in this House 24 hours before the sitting, but he has not given us an amendment slip.

Tuan Pengerusi: Saya hendak memberitahu atas perkara itu, iaitu tiap-tiap satu pindaan yang hendak dibawa ke Dewan ini mestilah diberitahun satu hari sebelum bersidang.

Fasal 1 dan 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERUNTUKAN DI-RAJA PINDAAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.20 ptg.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Akta Peruntukan Di-Raja Pindaan Tahun 1974 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Fasal 35 (1) Perlembagaan Persekutuan, Parlimen hendaklah dengan Undang-undang memperuntukkan suatu peruntukan Di-Raja bagi Yang di-Pertuan Agong yang termasuk peruntukan untuk membayar annuity kepada Raja Permaisuri Agong dan peruntukan Di-Raja itu hendaklah dipertanggungjawabkan kepada

Kumpulan Wang Disatukan dan tidak boleh dikurangkan dalam kuasa Yang di-Pertuan Agong selama memegang jawatannya.

Bagi melaksanakan Fasal 35 (1) itu maka satu Ordinan Peruntukan Di-Raja No. 70 Tahun 1957 (Civil List Ordinance No. 70, 1957) telah diluluskan pada 31hb Ogos, 1957. Semenjak itu Jadual Pertama kepada Undang-undang itu telah tiga kali dipinda dan peruntukan yang ditunjukkan di dalam Jadual Pertama itu pada masa ini adalah seperti berikut:

KELAS I Peruntukan Di Raja \$264,000

KELAS II Gaji Pegawai dan Kakitangan Istana \$409,400

KELAS III Perbelanjaan Istana \$188,600

KELAS IV Kurniaan Di Raja \$8,000.

Berkenaan dengan perbelanjaan-perbelanjaan tersebut itu sukalah saya menerangkan seperti berikut:

Peruntukan bagi KELAS I ialah untuk gaji dan elaun keraian bagi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, peruntukan tahunan sebanyak \$264,000 yang telah diluluskan semenjak Januari tahun 1964, telah didapati tidak mencukupi disebabkan oleh kenaikan harga barang, terutamanya dalam masa setahun dua ini. Tambahan yang diminta sekarang ialah sebanyak \$24,000 bagi perbelanjaan keraian Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menjadi \$60,000 setahun.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bagi KELAS II ialah untuk gaji dan elaun kakitangan istana. Peruntukan tahunan sebanyak \$409,000 yang telah diluluskan semenjak 1 Januari tahun 1972, untuk tujuan itu telah didapati tidak mencukupi untuk menemui pembayaran Bonos-bonos, Elaun Bantuan Khas kepada Pegawai-pegawai Kerajaan yang menerima gaji sebanyak \$500 ke bawah dan juga untuk membayar gaji bagi seorang Kerani tambahan dan seorang Jurutaip Tingkatan I yang telah diluluskan mulai daripada tahun 1974. Tambahan yang dikehendaki sekarang bagi menampung kekurangan itu ialah \$44,600.

KELAS III—Perbelanjaan Istana. Peruntukan bagi Kelas III ialah untuk perbelanjaan sehari-hari bagi menemui kewajipan-kewajipan Istana. Peruntukan

tahunan sebanyak \$188,600 yang telah diluluskan semenjak 30hb April, 1971 telah juga didapati tidak mencukupi bagi menemui perbelanjaan letrik, air, minyak petrol, penyenggaraan pesawat hawadingin, pakaian seragam, penyenggaraan kenderaan, bayaran bil talipon, perbelanjaan cap-mengecap, perbelanjaan alatulis, penyelenggaraan dan penggantian perabut-perabut Istana dan lain-lain lagi. Harga barang-barang tersebut telah meningkat naik dalam setahun dua ini. Tambahan yang dikehendaki ialah \$111,400.

KELAS IV—Kurniaan Di-Raja. Peruntukan bagi Kelas IV ini ialah untuk pembayaran ampun kurnia kepada masjid-masjid, badan-badan sukarela dan rumah kanak-kanak. Peruntukan setahun sebanyak \$8,000 yang telah diluluskan semenjak tahun 1971 sangatlah tidak mencukupi untuk menemui perbelanjaan yang semakin meningkat. Tambahan yang dikehendaki ialah \$7,000. Ringkasanya tambahan-tambahan yang diminta bagi keseluruhan peruntukan Di-Raja ini adalah seperti berikut:

KELAS I	...	...	\$ 24,000
KELAS II	...	...	\$ 44,600
KELAS III	...	...	\$111,400
KELAS IV	...	...	\$ 7,000
Jumlah			\$187,000

Pindaan kepada peruntukan yang telah saya sebutkan di atas tadi hendaklah dikuatkuasakan mulai dari 1hb Januari, 1974.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.26 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama, "Suatu Akta bagi meminda Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951", dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951. Pindaan-pindaan tersebut adalah perlu untuk Kumpulan Wang tersebut berjalan dengan cekap dan berkesan.

Fasal 2 Rang Undang-undang tersebut merombak keahlian Lembaga di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Ahli Lembaga diambil daripada 3 kumpulan: iaitu Kerajaan, majikan dan pekerja. Untuk Lembaga ini di Semenanjung Malaysia, keahlian Lembaga telah dikurangkan daripada 18 kepada 9. Ahli ketiga-tiga kumpulan telah dikurangkan dengan sama, daripada 6 kepada 3 orang dari tiap-tiap kumpulan. Lembaga di Sabah dan Sarawak telah dikurangkan daripada 14 kepada 8. Pengerusi, iaitu Ketua Setiausaha Perbendaharaan ada umum kepada kedua-dua Lembaga. Ada seorang Timbalan Pengerusi, iaitu penduduk di sana, untuk membolehkan keputusan-keputusan dibuat dengan segera, apabila perlu. Ahli-ahli yang lain-lain ialah dari kedua-dua Kerajaan Negeri serta majikan dan pekerja di kedua-dua negeri. Keahlian mereka telah dikurangkan daripada 4 bagi tiap-tiap kumpulan kepada 2 bagi tiap-tiap kumpulan.

Pindaan ini dicadangkan kerana, dari pengalaman yang didapati Lembaga yang besar merumitkan kerja dan tidaklah semestinya lebih cekap. Dengan itu adalah dirancang untuk membentuk satu Lembaga

yang lebih kecil bagi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja supaya ianya dapat menjadi lebih cekap. Ahli-ahli Yang Berhormat barangkali ingat Lapuran Suruhanjaya Harun telah mencadangkan supaya bilangan ahli Lembaga dibataskan kepada 7, dan pengurangan bilangan ahli Lembaga adalah sejajar dengan pemikiran yang terbaharu mengenai pengurusan.

Pada masa sekarang ahli Lembaga adalah diambil daripada 3 kumpulan iaitu: Kerajaan, majikan dan pekerja. Kakitangan Kerajaan dilantik menjadi ahli Kumpulan Kerajaan manakala ahli dari 2 kumpulan lagi hanyalah mewakili majikan dan pekerja. Oleh itu mungkin terjadi seorang yang mewakili majikan itu bukannya seorang majikan dan wakil pekerja bukan seorang pekerja. Keraguan ini telah dibetulkan sekarang. Ahli Lembaga dari kumpulan majikan dan pekerja tidak lagi dinyatakan sebagai "wakil" majikan atau pekerja, tetapi mereka sendiri mestilah menjadi majikan atau pekerja sebelum dilantik. Ini tidaklah bermakna ahli Lembaga dari kumpulan pekerja ataupun kumpulan majikan tidak dapat mewakili kepentingan pekerja-pekerja atau majikan-majikan. Mereka ini, di samping melakukan apa sahaja yang boleh untuk kepentingan Lembaga, dapat mewakili kepentingan kumpulannya jika mereka mahu. Pindaan ini bermakna ahli Lembaga daripada Kumpulan majikan ialah seorang majikan yang boleh mewakili majikan yang tidak tersusun dan juga majikan yang tersusun; ini samalah juga dengan ahli Lembaga dari kumpulan pekerja. Pindaan-pindaan ini bermakna Lembaga akan mendapat pandangan yang lebih luas daripada berbagai golongan pada masa hadapan.

Fasal 3 Rang Undang-undang tersebut meluaskan dasar pelaburan Lembaga, kerana ianya akan diberi kuasa membeli saham syarikat-syarikat yang dikenali sebagai "syarikat diluluskan" selain daripada memberi pinjaman kepadanya. Saya suka menerangkan di sini dasar pelaburan Lembaga bertujuan memastikan pulangan yang memuaskan ke atas pelaburan, seimbang dengan keselamatan pelaburan tersebut. Ini bermakna Lembaga tidak boleh melabur di dalam pelaburan yang tinggi pulangannya tetapi riskonya juga tinggi dan berbentuk spekulasi. Lembaga tidak boleh mengambil risiko ini kerana Lembaga ialah pemegang amanah bagi wang pencarum-pencarum.

Saya sukacita menyatakan bahawa mengikut petunjuk yang dikenakan, Lembaga masih dapat memberi satu kadar pulangan yang tinggi kepada kumpulan wang pencarum-pencarum. Saya sukacita mengisytiharkan bahawa Lembaga di Semenanjung Malaysia serta Lembaga di Sabah dan Sarawak telah meluluskan kadar faedah bagi tahun 1974 ialah 6.6% dibandingkan dengan kadar faedah yang diisytiharkan pada tahun 1973 iaitu 5.85% di Semenanjung Malaysia dan 5.25% bagi Sabah dan Sarawak, yang mana merupakan penunjuk terhadap usaha Lembaga yang memastikan pulangan yang memuaskan kepada pencarum-pencarum.

Fasal 4 mengadakan satu seksyen baru 4A, yang memperuntukkan perlantikan pegawai-pegawai dan kakitangan Lembaga. Pengurus Besar adalah dilantik oleh Menteri Kewangan, dan perlantikan Timbalan dan Penolong Pengurus Besar oleh Lembaga perlu mendapat kelulusan Menteri Kewangan.

Fasal 5 membolehkan kredit yang dipindahkan daripada kumpulan wang diluluskan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dikreditkan faedah walaupun kredit itu tidak dipindahkan pada permulaan tahun dilaksanakan. Fasal 6 memperuntukkan jika seseorang ahli telah mengeluarkan wang dalam kreditnya kerana ia tidak berupaya dari segi jasmani dan mental untuk terus bekerja, ia boleh menjadi ahli jika kemudiannya berupaya dan bekerja semula. Fasal 7 memansuhkan peruntukan dalam Ordinan tersebut mengenai pengisytiharan kumpulan wang diluluskan, oleh sebab dasar Kerajaan tidak membenarkan pertubuhan mana-mana kumpulan wang diluluskan lagi, baik bagi sektor awam ataupun sektor swasta. Ini tidak meliputi kumpulan wang yang diluluskan yang sedia ada, dengan syarat mereka tidak mengambil ahli-ahli baru sebagai pencarum.

Fasal 8 membenarkan Menteri Kewangan membuat pindaan, dengan Perintah, kepada semua Jadual kepada Ordinan itu dan bukannya Jadual Pertama dan Kedua sahaja. Jadual Ketiga berhubung dengan kadar caruman, dan kuasa mengubahnya hendaklah diberi kepada Menteri Kewangan. Perintah Menteri Kewangan untuk meminda ketiga-tiga Jadual masih dimestikan dibentangkan di Dewan Rakyat dan akan hanya berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan dalam ketetapan Dewan Rakyat yang meluluskan Perintah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-cadangkan.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.34 ptg.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dan di samping bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris juga.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Rang Undang-undang ini yang dikehendaki oleh Menteri yang berkenaan nampaknya kecil dan senang, tetapi kalau sekiranya kita mengkaji perkara ini, khasnya Fasal 2, pindaan yang dikehendaki bukan kecil.

(*Dengan izin*) Now, Mr Speaker, Sir, the reason given by the Honourable Deputy Minister for the reduction in the number of membership of the Board from 18 to 9 is that 18 is too big and unwieldy a number and he quoted, if I am not mistaken, that the Harun Report has also stated that the membership of the Board should be reduced to 7.

Now, we know that the E.P.F. deals not with just \$1 million, not with just \$2 million, but with hundreds and thousands of millions of dollars of money from the contributors and, as such, I do not think a Board of 18 members is too unwieldy and too big to look after the interest of the thousands of contributors in this country. I dare say that if you have 18 members as there had been 18 in the past, they will, with their different backgrounds—from the Government sector, from the employers sector and from the workers sector—and in their own way, be able to contribute more usefully as to how best the millions of dollars, that are being garnered in every year from the contributions of the workers, should be invested and how best the money can be made use of in the interest of the workers of this country.

The other amendment that is sought for in Clause 2 again, is not as simple as the Honourable Deputy Minister would have us believe. He has stated that in the past, where

the employers were concerned the employers had nominated people who were not employers or “majikan” (the word they used). He has also stated that the employees’ representatives had been found to be not employees. Now I am not qualified to speak where the employers are concerned, but I do submit that if the Government finds that an employer—in this case be it the M.E.C.A.—has nominated a person who is not genuinely an employer, then the simple thing would be to reject his nomination; or, as I understand, in these cases, the Employers’ Associations are asked to submit a number of names and, from the names, presumably the Minister can select those who are genuinely employers. So, the question of people being nominated who are not genuinely employers thus can be easily overcome. I do not know whether that has occurred in the past where the employers are concerned, but I can speak more confidently where the employees are concerned.

Now, as far as the employees are concerned, it is a simple matter. In this country, organised labour is represented by the M.T.U.C. (the Malaysian Trades Union Congress)—and as far as I know—and I stand corrected if I am wrong—all the nominees of the M.T.U.C. are genuine workers. Therefore, I do not see how the Honourable Deputy Minister can come to this House and say that it has been found that people who have been nominated by the M.T.U.C. are not genuine employees. Again, this can be easily overcome. The M.T.U.C., presumably, can be asked to nominate a number of names and from that number of names the Government can make very close enquiries and, if they are found to be not genuine employees, then these people need not be considered and the Government or the Minister can only select those who are genuine employees. Now, I do not profess to be able to speak for the employers, but I can confidently say, without fear of contradiction, that the employees oppose this provision. It means that the two people who are employees represent nobody but themselves. The Honourable Deputy Minister in his speech stated that they can still represent the views of the employees. But this is not the same if they were nominated by the M.T.U.C. If they were, then in the Board they can say, for example, “We represent the organised workers of this country and the

organised workers of this country will not like to have this money invested in this but it should be invested in that. Now, if there were just two employees—"A" and "B"—they cannot do that. But if A and B have been nominated by the M.T.U.C., then they can say, without fear of contradiction, "We represent the organised workers of this country and, since this money is being garnered from the savings of the organised workers of this country, then our views must be paid attention to with great seriousness by the Government".

Mr Sepaker, Sir, I am sanguine enough in this House to know that nothing I say in this debate will alter one iota of the Bill, but I do hope that the Government will have second thoughts on this matter if it does not want to antagonise the organised workers in this country. I do not know whether employers hold the same views but certainly the employees, as represented by the M.T.U.C. have, I presume, made representations to Government that they oppose the reduction of their representation from 6 to 3; and they resent being called "employees" only and not "representatives of the M.T.U.C."

5.43 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Speaker, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang ini dan saya minta izin berucap seberapa pendek dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Speaker, I would like to touch on two or three aspects of this Bill and also the related E.P.F. Ordinance of 1951.

Firstly, I would like to touch on the question of E.P.F. withdrawal. Under the present provision, only those who have attained the age of 50 can apply to withdraw one-thirds of their E.P.F. contributions. I would like to propose to the Government here that this age of 50 should be reduced to 45. In short, those who are 45 should qualify to withdraw one-thirds of their contributions. If this amendment is possible, then it will be a great help to enable the 45 year olds to obtain their one third contributions for making use of it as advance to purchase houses for their families and to fend for themselves in other ways.

Secondly, I would like to touch on the question of the E.P.F. Ordinance which, I feel, should be redesigned to enable the workers to obtain loans at low interest rates to be used as advance to purchase houses or as capital to start businesses. Most of our workers today have no means of purchasing houses on their own and any help that the E.P.F. can offer them will be greatly appreciated by them.

Thirdly, the Government must also cause a review of the E.P.F. investments and financial policies to ensure that the workers fully benefit from their hard-earned savings such as by raising the interest rates of E.P.F. contributions.

Lastly, I would like to propose here that the investment of E.P.F. contributions should be utilised to build public housing projects for our workers as such projects which will directly benefit the employees. Tuan Speaker, during this period of galloping inflation in the country, which is greatly affecting the livelihood of the workers, the E.P.F. Ordinance should be used as a dynamic and effective instrument to help workers or employees to fight inflation for, after all, the contributions held by the E.P.F. are the hard sweated earnings of the workers and as such, there is no reason why they should not be benefitted by their own earnings.

5.45 ptg.

Tuan K. Pathmanaban (Port Dickson): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Rang Undang-undang ini dan mengemukakan dua-tiga pendapat saya di atas clauses yang terkandung dalam Bill ini.

Pertamanya, ada satu clause berkenaan dengan withdrawal of contribution standing to the credit of employees yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bertujuan menghasilkan qualification seorang pekerja yang telah berhenti atau telah withdraw his contribution akaunnya dan bekerja balik dan kena tunggu selama 5 tahun sebelum dia dapat mengambil balik wang kreditnya. Pindaan ini walaupun saya boleh fikirkan apakah tujuannya iaitu untuk mengelakkan withdrawal yang tidak betul atau lain-lain, saya fikir akan membawa kesusahan kepada pekerja-pekerja seperti pekerja-pekerja yang barangkali yang berumur lebih daripada 50 tahun yang sakit atau cedera

ingin withdraw his contribution dan apabila sampai umur 55 tahun dia kena berhenti kerja, tetapi pindaan ini akan menghadkan haknya mengambil balik wang yang di bawah akaunnya itu. Saya fikir ini akan menjadi satu kesusahan yang besar kepada pekerja kita dan mungkin akan menyebabkan embarrassment kepada Board kita.

Satu lagi berkenaan dengan nominees Ahli-ahli E.P.F. ini.

(*Dengan izin*) At the moment, Sir, I think we have over a million contributors in the E.P.F., many of whom were enrolled in the early days of enforcement of this Act in the 1950's. The procedure under which they were originally registered as contributors was a lax one—it was rushed through—and I believe many employees now have a great deal of difficulty, as a result of the rushed exercise at that time, in withdrawing the amounts standing to their credit. There had been errors in the spelling of names, or their ages had been wrongly given, because these were not properly ascertained at the time of registration and, more important, many employees, who were at that time unmarried and very young, had not filled in the column in the form which requires them to specify the nominees, i.e. the persons who will benefit from the fund in the event of the contributor's death. These people have since got married and have families and the nominees may indeed, if they had already specified their father or mother as nominees at that time, now be the wives or the children, which nomination I think is just and fair. In certain cases, they may not even have specified these. I would suggest that, since the E.P.F. Board has been in existence for one score and three years now, and with the computerised facilities available to the Board, a thorough-going and complete exercise be undertaken to review the status of those contributors who have not made their nominations under their original application for membership, and that these people be now requested to specify their nominations. Indeed, I think it would be preferable if the Board could circularise to all contributors and ask them if they wish to alter their nominees or to specify new nominees where there were none before.

As regards the reduction of the membership of the Board from 18 to 9, under Clause 2 of the Bill, resulting in the reduction of the employer and employee representation on the

Board, I go along with the Honourable Minister that the Board, at the moment, may be rather unwieldy and the reduction of the membership may, in fact, be in the interest of the contributors themselves who would like to pay less overheads for the management of the Board. I do think that the funds accruing to members out of contributions and interests thereon should be expanded fully for the benefit of the members and that more ways should be found to provide greater benefits to the members, such as greater facility for the withdrawal of funds standing to their credit for the purposes of making down payments on houses, which probably is the single greatest bottleneck of the low income groups in purchasing houses. They just cannot find the down payment, however small it might be. I do think that it should be possible, with conservation of funds through measures that exist, to enable the contributors to enjoy these benefits.

I do also hope that in the naming of the employees who are to serve on the Board—in the case of employers, it may not be such a big problem—but in the case of naming of the employees who are to serve on the Board under Clause 2 (3), the Honourable Minister of Finance will find his way to ensure the maximum possible consultation with organisations that now represent employees because otherwise, I think, the situation will be quite chaotic in order to gather and to channel the views of the mass of workers—there are over three millions of them—in this country. If persons are appointed to represent their individual selves, firstly the question of how these people are picked would be a big problem and, secondly, as to whether their individual views without the backing of the mass of the workforce would, in fact, be helpful to the Government as the process of consultation would be in serious doubt. But I do hope that the Honourable Minister of Finance will find some ways of ensuring that there is maximum possible consultation. Thank you very much.

5.51 ptg.

Tuan Lee Boon Peng (Mantin): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan). Dengan ini, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I would like to endorse what the Honourable Member from Telok Kemang has said regarding the problem of nominees under the Employees Provident Fund. He has mentioned about nominees, but he has not mentioned one problem which I have come across in the course of my practice. Many illiterate workers, when they were employed, were asked by their employers to fill in the nominee forms, and if they were bachelors then, they would have put in the names of their friends. Now, it has happened in two or three cases. When they got married and they died without informing their wives that they had nominated their friends to be the beneficiaries of the funds standing to their credit, it happened that the wives were unable to get the money from the friends.

Now, there is one case, where a friend who was the nominee of a deceased contributor, has disappeared or rather he is nowhere to be found in spite of advertisements in newspapers, and now the poor widow is penniless. This money cannot be withdrawn from the E.P.F. because, under the E.P.F. Regulations regarding withdrawal, the payment can be made only to the nominee, or if there is conclusive evidence that the nominee also has died, then the widow or her personal legal representative can claim the money. This is a lacuna in the law which I hope the Honourable Minister would look into because at the time the Employers Provident Fund was established—and it was more than ten years ago—many employees in the rubber estates were asked to fill in the nomination forms, but they were left out from being filled due to their ignorance or due to lack of proper information given to them; and when they died, this has not been rectified. I hope that this matter can now be rectified by the Ministry.

5.54 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan sepenuhnya kerana di sini didapati untuk mengurangkan ahli-ahli Lembaga, maka dengan ini saya yakin dapat mengurangkan sedikit perbelanjaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya selalu mendengar berita di dalam Jabatan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini telah didapati pekerja-pekerja di dalamnya kekurangan

sangat daripada kaum bumiputra. Ini saya tak dapat memberi perincian yang sebenar, tetapi sebagaimana kata pepatah: Masakan pokok akan bergoyang kalau tidak ada angin. Jadi saya yakin apa yang disuarakan itu adalah satu perkara yang tepat dan benar berlaku.

Selain daripada perkara yang di atas kita pinda, saya berharap mendapat perhatian daripada Lembaga tersebut biarlah pegawai-pegawai yang ada di dalamnya banyakkkan sedikit daripada golongan bumiputra, khususnya pegawai-pegawai yang berpangkat tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati tentang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini dalam membuat potongan E.P.F., ada setengah daripada majikan-majikan mereka tidak menitikberatkan, lebih tepatnya mereka tidak mahu memotongkan peruntukan pekerja-pekerja. Saya yakin ini telah menjadi tabiat orang-orang kita sendiri, baikpun Melayu ataupun segenap bangsa mereka tidak begitu suka memotongkan wangnya dahulu. Misalnya memotong \$10 dan akan digantikan dengan \$10 yang mana wang itu akan didapati kembali jikalau meningkat umur 50 tahun, tetapi bila dikaji dengan halus peruntukan ataupun peraturan ini amatlah berfaedah. Dengan sebab itu saya berharap kepada Jabatan dan Kementerian yang berkenaan mesti diwajibkan kepada tiap-tiap majikan walaupun pekerja-pekerjanya sedikit, peruntukan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja itu dimestikan juga.

5.56 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyentuh berkenaan dengan Ahli-ahli Lembaga. Pada masa sekarang ini Lembaga mengadakan 18 ahli dari tiga kumpulan. Tujuan untuk mengurangkan angka-angka ahli-ahli ialah bukan supaya pihak majikan ataupun pihak pekerja tidak dapat satu suara ataupun tak boleh mengambil bahagian dalam Lembaga. Nampaknya dari pengalaman kita pada masa dahulu 18 orang keahlian itu adalah sangat besar oleh kerana Lembaga ini ialah sebagai Lembaga Amanah. Amanah ini ialah untuk menjaga

wang kumpulan wang dan melaburkan wang itu untuk mendapat faedah kepada pekerja-pekerja. Samada 18 sesuai ataupun 8 atau 9 sesuai ialah satu "judgement".

Kerajaan berpendapat bahawa dari pengalaman yang lama patut kita mengadakan 9 sahaja, tetapi daripada tiga kumpulan ini. Jikalau pekerja-pekerja hendak melantik seorang daripada "organised union", seperti mana Ahli Yang Berhormat katakan, ini terpulung kepada pihak pekerja-pekerja sendiri. Tetapi, saya hendak menarik perhatian Ahli Yang Berhormat tentang definasi "employees"; definasi employees sudah ada di dalam Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Jikalau seseorang hendak menjadi ahli dalam Lembaga ini dia mesti menjadi seorang pekerja ataupun employee, employee mengikut definasi seperti yang ada tersebut di dalam Ordinan.

Seperti mana Ahli Yang Berhormat maklum, Kerajaan bila hendak melantik sesiapa pun menjadi ahli di dalam Lembaga itu mesti mengadakan rundingan dengan pihak yang berkenaan, dan Kerajaan akan menimbang dan berunding dengan pihak-pihak yang berkenaan supaya Kerajaan boleh melantik ahli-ahli yang akan menjaga kepentingan Lembaga dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, sebagai ahli Lembagaanya.

Berkenaan dengan samada pekerja-pekerja yang akan menjadi ahli dalam Lembaga dicalonkan oleh satu pihak yang tertentu atau tidak adalah terpulang kepada Kerajaan, terpulung kepada Menteri Kewangan supaya beliau boleh berunding dengan sesiapa yang tertentu.

Berkenaan dengan cadangan-cadangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar berkaitan dengan cadangan supaya pencharum-pencharum boleh mengeluarkan wang bila mereka sampai umur 45 tahun dengan tujuan supaya mereka boleh diberi pertolongan untuk membina rumah ataupun membeli rumah seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, perkara ini sentiasa dikaji oleh Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan juga oleh Kerajaan. Nampaknya ada lebih berfaedah jika sekiranya wang yang dilaburkan di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini disalurkan kepada agensi-agensi yang lain yang mengadakan rancangan tertentu untuk mendirikan rumah. Ini bukan satu masaalah yang

baru dan Kerajaan pun sedar ada beberapa orang yang dahulu pun membuat rayuan atas perkara ini.

Samada Lembaga akan mengkaji ataupun tidak "investment policy" yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya ingin mengumumkan bahawa Lembaga sudah meluluskan bahawa pada tahun ini kadar faedah dinaikkan kepada 6.6%. Ini menunjukkan bahawa Lembaga sentiasa menjaga "investment policy" supaya boleh memberi satu faedah yang tinggi kepada pencharum-pencharum.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Kemang telah memberi ingatan kepada saya berkenaan dengan pindaan yang akan dibuat di mana seorang yang telah berhenti sebagai pencharum boleh terus balik menjadi pencharum jika sekiranya pekerja itu, yang dahulunya sakit sudah baik. Saya dan Lembaga juga ada mengetahui bahawa barangkali pindaan ini boleh membawa sedikit kesusahan kepada pekerja tersebut. Tetapi tujuan untuk mengadakan 5 tahun tempohnya ialah supaya pekerja itu boleh dapat kredit 5 tahun dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebelum dikeluarkan kredit itu. Tujuan ini adalah baik tetapi jikalau akibatnya akan memberi kesusahan kepada pekerja-pekerja tersebut, bolehlah Kerajaan mengkaji perkara ini sekali lagi.

Berkenaan dengan "nominees" dan kesulitan berkaitan dengan nominee pencharum-pencharum yang tidak dapat mengeluarkan wang oleh kerana kredit mereka disimpan dalam rekod-rekod dahulu yang barangkali tidak lengkap, suka saya menerangkan di sini bahawa Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ada satu yunit khas yang mengkaji kes-kes seperti ini. Jikalau Ahli-ahli Yang Berhormat ada kes-kes yang mereka dapat tahu atas pengetahuan mereka, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat tidak segan memberi maklumat atau butir-butir kepada Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja supaya Lembaga itu boleh mengkaji kes-kes ini. Sekarang ini Lembaga telah mengadakan computerisation system dan memang mereka sanggup hendak mengkaji kes-kes yang tertentu dan saya juga hendak mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Mantin yang telah memberitahu kepada saya bahawa barangkali ada satu lacunae ataupun satu peruntukan yang tidak begitu

lengkap dalam Akta ini berkenaan dengan nominee-nominee barangkali patut diubah. Perkara ini pun saya akan kaji.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar menyebut tentang kekurangan pegawai bumiputra di Lembaga. Sukacita saya menerangkan di sini bahawa dua tahun dahulu Lembaga sudah pun mengambil tindakan mengwujudkan beberapa jawatan tertinggi untuk pegawai-pegawai bumiputra dan jawatan ini ialah bagi pegawai-pegawai yang dapat ijazah daripada universiti ataupun daripada MARA supaya mereka boleh memegang jawatan tersebut. Sekarang ini ada beberapa jawatan tertinggi dalam Lembaga ini untuk pegawai bumiputra.

Berkaitan dengan majikan yang tidak barangkali memotong wang yang cukup untuk pencaharian-pencaharian yang bekerja dalam syarikat-syarikat yang tertentu, saya hendak menerangkan ada juga satu bahagian dalam Lembaga ini iaitu Bahagian Inspectorate yang selalu mengkaji dan menyiasat perkara-perkara seperti ini. Saya harap jikalau Ahli-ahli Yang Berhormat ada tahu juga tentang apa-apa kes di mana majikan tidak mengambil satu tindakan yang berpatutan sila berhubung dengan Lembaga.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BANK PEMBANGUNAN ISLAM

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.10 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Akta untuk menguatkuasakan suatu

perjanjian antarabangsa mengenai penubuhan dan pengendalian Bank Pembangunan Islam dan untuk membolehkan Persekutuan menjadi anggotanya dan untuk membuat peruntukan-peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk membolehkan Persekutuan mengesahkan perjanjian antarabangsa mengenai penubuhan dan pengendalian Bank Pembangunan Islam yang telah ditandatangani di Jeddah, Arab Saudi pada 12hb Ogos, 1974. Dengan pengesahan itu dan dengan mula berkuatkuasanya perjanjian itu maka Persekutuan akan menjadi anggota Bank Pembangunan Islam dan akan terikat untuk mematuhi tanggungan-tanggungan yang ditetapkan dalam perjanjian itu. Oleh kerana setengah-setengah daripada tanggungan itu tidak boleh dilaksanakan melainkan kuasa undang-undang diberi kepada Kerajaan Persekutuan maka Rang Undang-undang itu adalah dikehendaki diluluskan.

Sebagai lanjutan kepada tujuan-tujuan di atas, Rang Undang-undang memberi kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk memberi taraf, imuniti-imuniti dan keistimewaan-keistimewaan kepada bank, gabnor-gabnornya, pengarah-pengarahnya, pegawai-pegawainya dan pekerja-pekerjanya. Rang Undang-undang ini juga memperuntukkan kuasa bagi Yang Berhormat Menteri Kewangan meripai kepada saham modal bank dan mengadakan dan mengeluarkan nota-nota yang tidak mengenakan bunga dan yang tak boleh niaga atau lain-lain tanggungan kepada bank sebagai ganti membayar jumlah wang tersebut kepada bank dengan matawang Malaysia. Rang Undang-undang juga mengadakan peruntukan supaya jumlah-jumlah wang tertentu yang kena dibayar kepada bank dipertanggungjawabkan ke atas Kumpulan Wang Disatukan bagi Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, dari awal lagi, Malaysia telah memberi sokongan penuh dalam penubuhan Bank Pembangunan Islam. Malaysia selalu memberi perhatian yang berat semenjak cadangan hendak menubuhkan bank itu pertama kali lahir di Persidangan Islam yang berlangsung di Jeddah pada awal 1972 di mana satu resolusi bagi mengadakan institusi ekonomi dan kewangan negara-negara Islam dipersetujui. Berikut

dari mesyuarat Jawatankuasa Exploratory yang berlangsung pada bulan Julai 1973 di Jeddah, kerja-kerja persediaan berhubung dengan deraf surat-surat akuan asal bagi penubuhan Bank banyak disudahi di Malaysia. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat ketahui, pada Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan Islam Yang Pertama berlangsung pada 15hb Disember, 1973 di Jeddah, satu Pengisytiharan Tujuan (Declaration of Intent) untuk menubuhkan Bank Pembangunan Islam telah ditandatangani oleh Yang Berhormat Tan Sri Mohamed Ghazali bin Haji Jawi, bekas Menteri Pertanian dan Perikanan Malaysia bagi pihak Kerajaan Malaysia. Di mesyuarat itu, Jawatankuasa Persediaan ditubuhkan dengan tugas menyediakan Piagam Bank. Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Setiausaha Agong Pertama bagi Urusetia Persidangan Islam di Jeddah kemudiannya dipilih sebagai Pengerusi Jawatankuasa Persediaan itu. Sesungguhnya beliau adalah seorang yang memainkan peranan penting dalam menjayakan projek tersebut. Sebagai menghormatinya, di atas pimpinan yang cermelang dan usaha-usahanya yang gigih bagi mencapai cita-cita negara-negara Islam, beliau sememangnya patut diberi ucapan tahniah dan sanjungan.

Oleh kerana Urusetia Jawatankuasa Persediaan bertempat di Kuala Lumpur, banyak kerja-kerjanya dibuat di sini. Untuk melicinkan pekerjaannya, Pegawai-pegawai Malaysia yang telahpun berkecimpung dalam kerja-kerja itu pada awalnya telah sekali lagi memberi perkhidmatan kepada Jawatankuasa Persediaan itu. Kerajaan Malaysia turut juga memberi kemudahan-kemudahan lain bagi melicinkan tugas-tugas Jawatankuasa tersebut. Dalam masa lima bulan Jawatankuasa Persediaan dapat menyediakan deraf Piagam Bank itu. Jawatankuasa itu kemudiannya mengadakan mesyuarat yang berlangsung pada 15hb hingga 24hb Mei, 1974 di Jeddah untuk membincangkan deraf Piagam Bank itu. Mesyuarat telah mengkaji deraf itu dan akhirnya telah mencapai deraf terakhir. Deraf terakhir itu kemudiannya dibentangkan di Persidangan Menteri-menteri Kewangan Islam yang berlangsung pada 10hb Ogos, 1974 di Jeddah, bagi mendapat persetujuan.

Tuan Yang di-Pertua, di Persidangan itu, Ketua Perwakilan Malaysia telah menandatangani Piagam Bank itu bagi pihak

Kerajaan Malaysia, sebagaimana yang diperseujui oleh Persidangan itu. Sebagaimana yang dikehendaki oleh Piagam Kerajaan Malaysia dikehendaki meluluskan satu Rang Undang-undang bagi mengesahkan Piagam tersebut. Dengan melakukan ini Yang Berhormat Menteri Kewangan akan diberi kuasa untuk menandatangani "Pengesahan" (the instrument of ratification).

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian adalah sesuai dan mustahak bagi Akta ini diluluskan oleh Dewan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri (Tuan Abdullah bin Majid): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.18 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan perasaan bangga dan bersyukur kepada Tuhan menyokong dengan sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sudah lama negara kita merdeka, yang menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi dan Perdana Menteri kita yang pertama selepas ia bersara sebagaimana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri seterusnya telah menjadi Setiausaha Agong Komanwel Islam. Ini adalah satu kebanggaan kepada kita bersama, seluruh rakyat Malaysia dan ini menunjukkan satu tanda yang rakyat seluruh rakyat Malaysia ataupun Kerajaan kita di Malaysia sungguh-sungguh mengambil berat tentang hal agama Islam maka dengan sebab itulah negara-negara Islam yang lain dengan sukarelanya melantik orang daripada Malaysia khususnya bekas Perdana Menteri, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman menjadi Setiausaha Agong kepada Komanwel Islam.

Kita sama-sama mendengar apa yang dinyatakan melalui akhbar-akhbar kadang-kadang kita berasa sedih dan kadang-kadang kita berasa gembira sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sebagai Setiausaha Agong, Komanwel Islam ini tidak berjalan dengan begitu lancar, tetapi peruntukan yang banyak diberi ialah oleh negara kita Malaysia sendiri yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak, tetapi

walaupun bagaimanapun kata Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, "saya berasa senang dan lapang hati sekiranya selepas daripada saya berhenti menjadi Setiausaha Agong cita-cita saya yang pertama untuk membentuk satu Bank Pembangunan Islam." Maka cita-cita yang telah dinyatakan itu telah terlaksana dan pada hari yang berbahagia ini kita mengemukakan Rang Undang-undang tersebut ke dalam Dewan ini untuk diluluskan sebahagian daripadanya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita semua maklum negara kita adalah satu negara yang mengambil daya-usaha yang bersungguh-sungguh untuk menubuhkan Bank ini. Dan tempat yang ditandatangani sebagaimana yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi ialah di Jeddah pada bulan Ogos, 1974, tahun ini juga. Kerap kali di masa-masa yang lepas-lepas kalau ada satu-satu tandatangan maka tandatangan itu kerap kali berlaku di Amerika, di England, di Australia, tetapi kali ini tandatangan diadakan di Mekah dekat Jeddah dan kita berdoa semoga tandatangan ini akan dimakbulkan Tuhan dengan berlipat ganda selain daripada sebagai bukti kebaikan kepada dunia saya yakin membawa kebaikan juga di akhirat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai negara yang menjadi daya usaha bukanlah kita ini sebagai fanatik atau mengambil faedah diri sendiri tetapi biarlah faedah daripada Bank Pembangunan Islam itu dibayarkan sedikit kepada negara kita. Jika ada satu-satu pinjaman ataupun apa-apa saya berharap pihak-pihak yang berkenaan mengambil daya usaha supaya mendapatkan peruntukan yang lebih kepada negara kita. Walaupun boleh jadi dikatakan oleh negara-negara lain tetapi telah menjadi adat dunia siapa yang berusaha bersungguh-sungguh maka habuan patut dapat kepadanya. Saya berharap supaya rancangan ini dapat dihebah ke seluruh negara Malaysia sebolehnya ditubuhkan di tiap-tiap ibu negeri dan kita menerangkan tujuan-tujuan dan dasarnya. Saya yakin dan percaya rakyat umum khususnya yang beragama Islam akan menyokong bank ini yang mana selalu kita pada hari ini berasa sedih, Uagama Islam satu agama yang suci biasa dikatakan dalam Al-Quran tidak ada agama yang lebih tinggi daripada Uagama Islam, tetapi dari segi pembangunan, segi harta benda boleh dikatakan kita miskin.

Saya berharap dengan munculnya bank ini akan menjadi satu daya usaha atau satu pertanda untuk kebaikan Islam keseluruhannya hingga keluar bandar.

6.23 ptg.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan sepenuhnya. Dan saya mengucapkan seribu satu tahniah kepada pihak yang berkenaan di atas usaha-usaha yang begitu lama dan terus-menerus sehingga menelurkan sebuah bank yang bersejarah dan mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, bila sesebuah bank itu ditubuhkan maka banyaklah faedah yang boleh didapati daripadanya. Bagi saya, faedah yang paling besar daripada penubuhan bank ini kejayaannya ialah menghilangkan kekaratan yang telah menikam jiwa manusia khususnya seluruh manusia Muslim sendiri. Karat yang saya maksudkan ini ialah satu fahaman salah yang sengaja diada-adakan oleh lintah-lintah darat dari Eropah sejak beberapa lama dahulu bahawa Islam hanya ugama ibadat sahaja, ugama sembahyang dan ugama puasa sahaja dan tidak ada perhubungan langsung dengan urusan hidup, jauh sekali dari urusan perniagaan yang berupa international atau banking.

Sudahlah begitu maka kita di sebelah sini pula telah diyakinkan bahawa kalau hendak juga dibangunkan sesebuah bank, maka perkara riba dan bunga adalah merupakan darah daging dan menjadi nadi ataupun takrif bagi perkataan bank itu sendiri yang menyebabkan timbulnya kacau-bilau dalam mentaliti seorang Muslim dan akhirnya terganggu segala-galanya aktiviti hidup di kalangan Islam di seluruh dunia sejak beberapa lama. Lintah-lintah darat daripada Eropah ini telah berjaya menyemai satu lagi fahaman salah dalam kepala kita di sebelah sini iaitu sebutan-sebutan tolong-menolong, bantu-membantu dan bertimbang rasa di antara orang miskin dan orang kaya itu adalah sebutan kosong, umum sahaja. Perkataan-perkataan yang tidak bermakna dan tidak dapat diperaktikan. Akhirnya lenyaplah dari kamus hidup manusia sekarang seperti kerja-kerja sukarela dan yang berupa peri kemanusiaan. Apa yang ada hanyalah kerja-kerja yang mesti diupah,

mesti dipuji dan mesti diampu, yang menyebabkan dunia ini hampir-hampir tidak layak lagi untuk dijadikan tempat hidup manusia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ujudnya bank ini, maka satu nafas baru telah diberi dan pengertian yang salah sejak berkurunkun itu telah dapat diperbetulkan semula. Saya berdoa semoga Allah membalas baik terhadap usaha dan penat lelah pegawai-pegawai yang berkenaan serta dipohon bagi menjayakan usaha yang baik dan mulia itu.

6.25 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Yang di-Pertua, saya turut serta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Pusat di atas daya-usaha yang cemerlang, usaha-usaha yang telah dihasilkan pembentukan Bank Pembangunan Islam dan saya turut serta juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan rakan-rakannya yang telah berkorban sehingga dapat menghasilkan satu hasil yang amat dibanggakan. Pada pendapat saya penubuhan Bank Pembangunan Islam ini adalah merupakan kemuncak hasil diplomasinya sebagai Setiausaha Agong Negara-negara Islam.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Kerajaan telah banyak mengadakan rancangan-rancangan bagi melaksanakan Ugama Islam sebagai ugama rasmi, namun demikian masih ada juga lagi mereka yang sebahagian kecil yang mencebik-cebikkan di atas daya-usaha Kerajaan bagi melaksanakan Ugama Islam sebagai ugama rasmi negara di samping menghormati ugama-ugama yang lain. Kerajaan telah menubuhkan Lembaga Urusan dan Tabung Haji, mengadakan pertandingan Al-Quran pada tiap-tiap tahun dan mengadakan Majlis Dakwah serta mengadakan Majlis Hal Ehwal Ugama Islam dan juga menubuhkan Islamic News Agency dan berbagai-bagai lagi, tetapi masih lagi ada kumpulan yang kurang percaya di atas kejujuran dan keikhlasan Kerajaan untuk melaksanakan dengan sepenuhnya ertikata Ugama Islam sebagai ugama rasmi negara. Dan pada kali ini timbul pula satu bukti iaitu dengan penubuhan Bank Pembangunan Islam. Saya ber-sungguh-sungguh berharap bahawa bukti ini akan melenyapkan langsung kumpulan-kumpulan yang kecil ini yang masih lagi ber-

perasaan curiga di atas keikhlasan dan kejujuran Kerajaan terhadap Ugama Islam dalam negara ini.

Saya juga amat tertarik hati sekali terhadap motivasi penubuhan bank ini dan di sini saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris oleh kerana Kertas 29 ini adalah di dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) "This Bank recognises the need for fostering the wellbeing of the peoples of the Muslim countries and for achieving a harmonious and balanced development of these countries on the basis of the Islamic principles and ideals. The Bank also notes that one of the objectives of the Islamic Conference as expressed in its Charter is to promote and strengthen co-operation among member states in the economic, social and other fields of activities. The Bank also realises the need for mobilising financial and other resources both from within and outside the member countries and for promotion of domestic savings and investments and a greater flow of development funds into member countries. Finally, the Bank, being convinced in this context of the desirability of establishing an international financial institution which shall be development, investment and welfare-oriented, based on Islamic principles and ideals and a practical expression of the unity and solidarity of the Muslim Ummah."

Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, dengan pendeknya it is possible to practise an interest-free economic system dan saya berharap bahawa Bank Pembangunan Islam ini akan menjadi satu contoh bahawa invest-free economic system ini bukanlah satu perkara teori sahaja, tetapi adalah satu perkara yang boleh dipraktikkan. Dan akhir sekali, saya sungguh-sungguh berharap bahawa Bank Pembangunan Islam ini akan dapat juga menunjukkan bahawa Ugama Islam bukan hanya suatu ugama yang semata-mata untuk ibadat sahaja, untuk sembahyang, mengambil haji dan sebagainya, tetapi adalah suatu ugama yang menyeluruh menyuruh penganut-penganutnya mementingkan bukan sahaja soal kerohanian, tetapi juga soal pembangunan materialisma. Kedua-duanya penting; kerohanian dan materialismanya adalah sama-sama penting dan seimbang di dalam ajaran Ugama Islam. Saya berharap

supaya prinsip pengajaran itu akan dapat ditunjukkan dengan sejelas-jelasnya oleh Bank Pembangunan Islam ini.

Pendek kata, Bank Pembangunan Islam ini membawa banyak harapan yang tinggi, bukan sahaja ianya akan membawa harapan wujudnya satu commonwealth Nations of Islam bukan sahaja ia akan membawa petunjuk bahawa interest-free economic system boleh dibuat dan bukan sahaja bank ini kita harapkan dapat menunjukkan prinsip-prinsip keseimbangan pembangunan, kerohanian dan materialisma maka banyak lagi dan saya sungguh-sungguh berdoa oleh kerana the State has so much dan saya berdoa mudah-mudahan dengan berkat Allah Subhanahu Wata'ala, segala apa yang di-cita-citakan di bawah Bank Pembangunan ini akan dapat dilaksanakan, insya Allah.

6.34 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarik hati kerana orang yang membawa Rang Undang-undang Bank Pembangunan Islam ini adalah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bukan beragama Islam. Entahlah kalau dengan senyap-senyap dia masuk Islam, saya tidak tahu. Jadi, sepatutnyalah saya sebagai seorang Islam menyokong sepenuh-sepenuhnya, kerana kita berbangga dan semua rakyat di Malaysia in berbangga baik Islam atau tidak bahawa yang mula-mula sekali mengesyorkan penubuhan Bank Pembangunan Islam ini ialah Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, iaitu bekas Perdana Menteri kita. Beliaulah yang mula-mula berusaha sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, maka timbullah keputusan sesudah Menteri-menteri Kewangan Negara-negara Islam bersidang di Jeddah untuk menubuhkan bank tersebut. Patut kita hormati keputusan dan perjanjian Persidangan Menteri-menteri Kewangan Negara-negara Islam itu kerana negara kita sendiri adalah satu daripada negara yang mengambil bahagian di dalam persidangan tersebut.

Pihak yang bukan Islam saya berpendapat tidak sewajarnya dan tidak sedikit pun boleh khuatir, iaitu dengan negara kita menjadi anggota atau ahli Bank Pembangunan Islam ini, maka ada pula nanti terjadi tindasan atau diskriminasi atau ugama-ugama yang lain. Kita telah membuktikan bahawa

sungguhpun negara kita Malaysia Islam sebagai ugama rasminya tetapi ugama-ugama yang lain dibebaskan. Buktinya, kita telah mengalu-alukan saudara-saudara yang bukan daripada ugama Islam masuk Islam dan kita memanggil mereka saudara baru, sehingga kita menganggap mereka yang masuk Islam itu juga masuk Melayu; jadi kita tidak diskriminasikan mereka.

Ugama Islam, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada juga mempraktikan warna kulit dan tidak ada penindasan. Sebenarnya ajaran Islam tidak memandang siapa juga Islam atau tidak Islam, asalkan dia menghormati kita sebagai adik-beradik kita.

Bank Pembangunan Islam ini nanti yang menjadi ahlinya bukan bermakna menghapuskan aktiviti-aktiviti ugama yang lain. Sebenarnya saya berpendapat, dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ahli dari Sepang tadi, yang telah membacanya di dalam bahasa Inggeris, kumpulan daripada bank ini iaitu dengan peruntukan-peruntukan daripada negara-negara Islam bukan sahaja boleh membantu pembangunan Islam untuk faedah Islam, tetapi juga perkara-perkara yang lain. Kalau ada kemalangan-kemalangan, perkara-perkara yang mendukacitakan, mencederakan, misalnya ada kebakaran, kemalangan. Bencana alam di negara-negara yang bukan Islam maka di dalam ajaran Islam memang patut kita membantu mereka. Saya percaya Bank Pembangunan Islam ini dapat juga kita membantu negara-negara yang bukan Islam.

Saya percaya bukan sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional yang akan menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu, tetapi juga Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti Pembangkang. Kerana yang pertama kita hendak menjaga kedaulatan dan kehormatan negara kita. Kalaulah kita tidak menyokong Rang Undang-undang yang dibawa ini dan kita tidak menjadi anggota Bank Pembangunan Islam ini, sudah tentu nanti di mata negara-negara yang lain, terutama negara Islam Malaysia tidak lagi dihormati oleh mereka.

6.40 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian dalam perbahasan

Rang Undang-undang Bank Pembangunan Islam dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, saya menyokong di atas penubuhan Bank Pembangunan Islam yang disertai oleh negara kita mengikut perjanjian yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini bagaimana Kertas Perintah No. 29/1974. Dengan adanya penubuhan Bank Pembangunan Islam yang disertai oleh Kerajaan Malaysia, ini adalah menunjukkan suatu langkah bagaimana kedudukan sekarang di alam ataupun di dunia sekarang ini yang menunjukkan bahawa banyak negara-negara meliputi negara-negara Islam adalah suka melibatkan diri dalam bidang kewangan.

Sebagaimana kita tahu bahawa Islam adalah ugama yang boleh memerintah sesebuah negara, sebab Islam bukan ugama hanya untuk beribadat, tetapi ia adalah satu ugama yang meliputi bagi semua perkara yang boleh meniadakan manusia ini dari segi ibadat, dari segi masyarakat, dari segi pergaulan dan dari segi segala-galanya dalam Islam telahpun ada dan telahpun diamalkan oleh kalangan Islami lebih dahulu daripada yang diamalkan, yang dimajukan oleh kalangan Barat di masa sekarang ini. Boleh kita katakan kemajuan-kemajuan yang sekarang ini adalah hasil daripada cedokan yang diambil oleh kalangan Barat dari sumber-sumber yang dicipta oleh umat Islam yang di zaman dahulu baik di zaman Rasulullah ataupun di zaman sahabat-sahabat yang terkemudiannya, tetapi malangnya oleh kerana ajaran-ajaran Islam itu telah ditinggal dan diabaikan oleh umat Islam sendiri dan banyak orang-orang Islam mengatakan Islam adalah ugama ibadat sahaja, maka ketika itulah Islam pudar dan peranan Islam sebagai ugama yang membentuk masyarakat ditinggalkan begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan masa memang sentiasa berubah, kalau di jenerasi yang dahulu sedikit daripada kita ini orang memandang Islam ini adalah satu ugama yang kolot, ugama ibadat, tetapi keadaan sekarang ini telah berubah kembali, Tuan Yang di-Pertua, kerana banyak orang memikirkan bahawa sistem yang kita amalkan sekarang ini tidak menghasilkan sesuatu yang baik mengikut kehendak yang kita tuju. Banyak negara-negara yang mengamalkan sistem yang tidak bercorak Islam telah menghancurkan negara itu sendiri, telah

menghancurkan bangsa itu sendiri, hatta menimbulkan pergaduhan, pemerasan dan sebagainya. Ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah disebabkan kebanyakan orang-orang tidak mengetahui akan apa yang ada pada Islam, hatta orang Islam sendiri banyak mereka tidak suka membaca pengajaran-pengajaran Islam, malahan pengajaran Islam telah ada siap segala-galanya di dalam beberapa segi. Kelemahan yang ada pada perlembagaan Islam dengan sebab pengajaran Islam lebih banyak ditumpukan dalam bahasa Arab, sebab itulah banyak orang tidak mengetahui hal ini. Pengajaran-pengajaran yang dijalankan oleh Islam boleh dikatakan sebahagiannya dalam bahasa Arab dengan sebab Al-Qur'an sendiri dalam bahasa Arab, pengajaran hadis Nabi Muhammad s.a.w. sendiri dalam bahasa Arab dan kitab kita yang menerangkan lebih lanjut, lebih panjang berkaitan dengan Islam adalah dalam bahasa Arab, sedangkan masyarakat di masa ini kurang benar orang mengetahui dalam bahasa Arab, mereka lebih banyak mengetahui dalam bahasa lain: misalnya bahasa Inggeris, Perancis dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, perjanjian yang dibentangkan di hadapan kita berkenaan Bank Pembangunan Islam ini, saya rasa ini sebagai satu langkah di mana sekarang ini setelah negara-negara Islam berpecah begitu lama hasil dipecah-pecahkan dan diperintahkan oleh penjajah, maka mereka telah merasa menyesal, merasa kecewa ataupun merasa tidak boleh buat apa-apa dengan keadaan perseorangan ataupun berasingan antara satu negara dengan satu negara yang lain, maka mereka mengambil kesimpulan bahawa pada suatu masa ke suatu masa hendaklah diadakan conference atau persidangan bagi menyatu-padukan kedudukan umat Islam samada penduduk ataupun secara negerinya.

Tuan Yang di-Pertua, ini memang dapat dilihat dari satu masa ke satu masa Persidangan Islam diadakan dan Malaysia adalah satu negara yang cukup aktif bagi menyokong penyatuan negara-negara Islam ini. Dari segi kewangan, ini boleh kita alu-alukan walaupun boleh kita mengatakan bahawa ini tidak begitu lengkap tetapi biarlah kita mengatakan ini sebagai langkah permulaan insya Allah akan dituruti oleh langkah-langkah lain yang akan difikirkan oleh ahli-ahli kita, oleh ahli-ahli bijaksana Islam. Sekarang ini banyak orang mengetahui dari

segi pelajaran Islam. Kalau dahulu banyak orang yang mengetahui dan ahli dalam bidang Islam, tetapi dia tidak mengetahui dalam bidang yang lain. Sekarang tidak demikian, banyak orang yang mengetahui dan ahli dalam pelajaran Islam, dan dia juga mengetahui dalam bidang-bidang yang lain seperti bidang kewangan, accountancy dan sebagainya, saya rasa dengan percampuran antara pengetahuan dua sektor ini, maka akan lahirlah satu kesimpulan yang baik bagi pembangunan Islam baik dari segi kewangan, baik dari segi masyarakat dan lain-lainnya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya menyatakan lebih panjang saya rasa tidak begitu baik juga, sebab Dewan yang mulia ini bukan untuk membincangkan dari segi Islam sahaja, tetapi kesempatan untuk membicarakan dari segi Islam setelah adanya Rang Undang-undang ini, saya rasa perlu diperkatakan lebih sedikit.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat)*

Saya rasa Bank ini bukan sahaja perlu bagi pembangunan antara negara-negara, tetapi haruslah dicari satu jalan bagi diadakan satu Bank untuk menjalankan perniagaan di kalangan masyarakat, di kalangan orang ramai khasnya seperti di Malaysia ini. Sekarang ini saya tidak tahu mana satu bank yang berbentuk lebih hampir kepada Islam. Saya lebih cenderung kepada Bank Simpanan Nasional yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Tun baru-baru ini, saya rasa itu satu langkah yang baik juga iaitu di mana negara mengawal wang rakyat dengan cara yang tersendiri dan tidak mengadakan cara hutang, ambil interest dan sebagainya. Saya rasa inipun satu langkah dan saya harap pihak Kerajaan melalui pakar-pakar Islam dan pakar-pakar kewangan harus mengkaji supaya boleh Kerajaan menubuhkan sebuah Bank Islam di negara ini yang boleh dianggotai ataupun boleh dijalankan oleh rakyat negeri ini. Walaupun ini boleh dikatakan hanya antara negara-negara dalam melibatkan dengan Bank Pembangunan Islam tetapi inipun kita angkat tangan, kita bersetuju, cuma saya rasa dari segi yang lain, dari segi untuk masyarakat, untuk orang ramai pun haruslah ikhtiarkan juga oleh Kerajaan kita yang ada pada hari ini. Dalam perkara ini, sebagaimana yang kita nampak dalam keterangan-keterangan yang dinyatakan di sini

iaitu Bank Pembangunan Islam ini akan menjalankan penyiasatan dari segi ekonomi, dari segi kewangan, banking dan aktiviti-aktiviti yang lain meliputi negara-negara Islam yang sesuai dengan pengajaran-pengajaran syariah ataupun syarak, saya rasa ini satu perkara yang baik, sebab apakala kita melibatkan pengajaran-pengajaran syariah atau pengajaran-pengajaran fekah, maka saya rasa perkara ini luas dan apakala perkara ini perlu diimplimentasikan dari segi kewangan dan dari segi masyarakat, maka harus disusun dengan satu cara yang lebih lengkap. Kalau kita hendak menggunakan dengan hukum-hukum yang telah ada dalam kitab-kitab yang lalu, saya rasa tentu sulit sebab keadaan itu payah. Agaknya kalau dibentangkan di dalam Dewan inipun hanya beberapa orang yang boleh faham dengan cara yang ada pada kitab itu. Saya rasa patut disusun dengan satu cara supaya dapat kita bentangkan di Dewan yang mulia ini dengan cara-cara yang tertentu, sesuai dengan hukum-hukum syariah yang dikehendaki oleh Ugama Islam kita yang telahpun dibentuk di masa beberapa abad yang silam. Cuma kepada kita sekarang kita tinggalkan.

Saya rasa saatnya sudah tiba bahawa apa yang kita tinggalkan di masa yang lalu itu sebenarnya bukan tidak baik tetapi baik. Dan bolehlah dikatakan dari segi Islam ini bukan untuk orang Islam sahaja. Islam tidak pernah mengatakan ada hukum-hukum untuk orang Islam sahaja, baik dari segi apa-apapun tetapi untuk masyarakat. Jadi saya harap, pada masa yang akan datang, Kerajaan harus menimbang tentang cara-cara yang lebih lanjut bagi menjalankan aktiviti-aktiviti Islam yang maksud saya bukan Islam untuk ibadat sahaja, tetapi Islam yang meliputi masyarakat, kewangan dan sebagainya. Itu maksud saya. Bukan Islam untuk ibadat ataupun perkara hendak nikah kahwin sahaja, perkara itu tidak payah kita bincangkan, sebab perkara itu telahpun diamalkan dan telah kita buat sekarang ini. Apa yang saya maksudkan ialah untuk masyarakat, sebab dalam bahagian muamalat ataupun dalam masyarakat, langsung sekarang ini kita tidak pedulikan. Kita tidak peduli, kita hanya mengambil dua perkara sahaja iaitu dalam bidang ibadat iaitu perkara sembahyang, puasa hendak menengok anak bulan dan dari segi lain ialah hal munakahat atau perkahwinan. Jadi, kita nampak hanya ada dua sahaja iaitu hendak beribadat dan

bila hendak kahwin sahaja kita ikut Islam. Sedangkan Islam bukan dua, tetapi ia ada dua yang lain lagi iaitu jenayah ataupun bunuh-membunuh dan muamalat iaitu perkara berjual beli dan sebagainya. Yang dua ini kita tinggalkan. Kita ambil dua sahaja, sembahyang, hendak menyembah Tuhan, dan hendak kahwin. Jadi, Islam kita nampaknya cuma untuk dua sahaja. Tidak betul, Tuan Yang di-Pertua, jika Islam itu untuk dua sahaja, sebab kalau Islam untuk dua, hendak mati dengan hendak kahwin, maka itu tidak sempurna namanya sebab kita ada dua lagi. Saya harap Kerajaan kita sempena dengan penubuhan Bank Pembangunan Islam, Islam ugama rasmi, agar cuba melaksanakan hukum-hukum Islam dan mengimplimentasikan kehendak Islam dalam undang-undang dan perjalanan kita kerana Islam itu dapat melahirkan kebaikan. Sekarang kita menuju ke arah kewangan Islam, ekonomi Islam dan insya Allah pada masa yang akan datang akan ramai orang-orang yang cinta dan hendak memajukan Islam dalam beberapa segi lain pula. Terima kasih.

6.54 ptg.

Tuan Haji Zakaria bin Ismail (Rantau Panjang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Bank Pembangunan Islam. Pada hemat saya setiap orang yang berperki kemanusiaan mengalu-alukan rancangan ini samada ia untuk Islam ataupun bukan Islam, kerana riba adalah satu cara yang dimusuhi oleh setiap orang. Dengan adanya Bank Pembangunan Islam ini, maka dengan sendirinya riba akan hapus.

Tuan Yang di-Pertua, riba ini hanya berlaku di dalam negara kapitalis sahaja, manakala di dalam negara sosialis tidak ada, lebih-lebih lagi kehendak ugama kita sesuai, Malaysia ini Islam sebagai ugama rasmi.

Tuan Yang di-Pertua, saya terbaca satu majallah yang ditulis oleh seorang ahli ekonomi yang terkemuka. Dalam majallah itu ada menyatakan bahawa bank secara riba yang wujud pada hari ini adalah suatu ciptaan daripada seorang Yahudi yang mana mengikut sejarahnya pada mulanya bank itu diwujudkan tidak ada dasar riba ini, hanya yang diwujudkan semata-mata untuk menolong mereka yang tidak bernasib baik. Maka lama-kelamaan dasar itu diubah oleh seorang Yahudi, katanya.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya terbaca dalam sebuah makalah yang ditulis oleh seorang ahli ekonomi juga yang mengatakan hasil ataupun faedah yang diperolehi daripada peminjam-peminjamnya hanyalah sebanyak 15% sahaja. Manakala keuntungan lebih daripada itu adalah hasil daripada perniagaan yang dilakukan oleh bank itu sendiri. Dengan ini, saya amatlah berasa gembira sekali sekiranya rancangan ini berjaya, kerana dengan berjayanya rancangan ini, maka dengan sendirinya hapus apa yang dikesalkan oleh orang bahawa Islam ini hanyalah satu ugama untuk ibadat semata-mata, tetapi bagi kita, bagi umat Islam menyakini bahawa Islam adalah satu ugama yang memandu hidup (way of life).

6.57 ptg.

Tuan Sanusi bin Junid (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Rang Undang-undang Bank Pembangunan Islam ini, saya ingin menyatakan bahawa penubuhan Bank Pembangunan Islam ini merupakan satu batu tanda kepada satu perubahan besar di dalam negara ini, malah mungkin ianya merupakan satu batu tanda sudah bergerak ke arah mencapai dalam masa 20-30 tahun lagi bentuk sistem ekonomi Islam yang pada waktu ini belum ada sebuah negara pun di dunia mengamalnya.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita berbicara mengenai ekonomi, lazimnya di dunia ini kita memandang dari sudut capitalism dan dari sudut socialism, seolah-olah Islam tidak mempunyai economic alternative kepada sistem-sistem yang luar. Oleh itu, dengan adanya Bank Pembangunan Islam yang dipersetujui oleh negara-negara Islam di dunia ini, maka buat pertama kalinya di dalam sejarah sudah terbongkar ataupun sudah rosak jahanam keyakinan-keyakinan lama yang berpendapat capitalism dan socialism sahaja sistem-sistem ekonomi yang berhak bertapak di bumi Allah.

Tuan Yang di-Pertua, apakah Islam mempunyai sistem ekonominya sendiri? Bagi kita yang berugama Islam, kita mengetahui bahawa apabila sudah terpujuk peribadi Muslim pada seseorang itu dan apabila seseorang itu bertindak di dalam rancangan ekonominya tidak terkeluar daripada petunjuk-petunjuk ataupun landasan-landasan yang ada di dalam Al-Quran dan sunnah,

maka dengan sendirinya kita sedang mengamalkan sistem ekonomi Islam. Tetapi kita kadang kala bertemu dengan tokoh-tokoh ekonomi ataupun jaguh-jaguh Pembangkang yang bertanya, apakah definasi kalau kita perlu satu definasi kepada ekonomi Islam yang di dalamnya terletak salah satu daripada institusi Bank Islam, ataupun di sini Bank Pembangunan Islam. Kalau kita perlu satu definasi kepada ekonomi Islam yang di dalamnya terletak salah satu daripada institusi Bank Islam ataupun di sini Bank Pembangunan Islam. Izinkan saya membuat quote daripada kata-kata Professor Lionel Robin mengenai definasi ekonomi secara umum. Kata Professor Lionel Robin:

"Economics is a science which studies human behaviour as a relationship between ends and scarce means which have alternative uses".

Kalau kita ketepikan "which have alternative uses" dan kalau kita bacakan "Economics is a science which studies human behaviour as a relationship between ends and scarce means", tidak ada perbezaan sistem ekonomi ini dengan sistem ekonomi binatang, kerana kita boleh ganti dengan definasi "economics is a science which studies animal behaviour as a relationship between ends and scarce means". Sifat manusia dan sifat binatang dalam hubungan antara keperluan hidup dan sumber-sumber untuk hidup kurang beza, tetapi apabila kita terpaksa memilih kerana adanya alternative uses, maka pada waktu inilah kita lihat setengah daripada manusia memilih yang dilarang oleh Tuhan, sementara yang lain melaksanakan apa yang hanya disuruh oleh Tuhan. Di sinilah Tuan Yang di-Pertua, perbezaan antara ekonomi manusia dengan ekonomi binatang dalam ayat "which have alternative uses". Saya ulangkan sekali lagi definasi ekonomi ini, "economics is a science which studies human behaviour as a relationship between ends and scarce means which have alternative uses". Dengan adanya "which have alternative uses" bererti element pemilihan yang hanya ada pada manusia sahajalah yang boleh membezakan sistem ekonomi antara sistem ekonomi manusia dengan amalan-amalan binatang, tetapi sekadar menjadi manusia sahaja belum tentu kita sudah dapat hidup seperti manusia yang beragama Islam. Oleh itu, definasi ini tidak cukup, tetapi definasi ini memadai jika kita tambah diujung definasi ini sehingga definasi ini berbunyi "Economics is a science

which studies human behaviour as a relationship between ends and scarce means which have alternative uses guided by the Al-Quran". Apabila kita tambah "guided by the Quran", maka dengan sendirinya definasi Barat ini dapat kita gunakan sebagai definasi yang boleh diterima oleh Islam. Saya tidak menafikan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa definasi lain juga mungkin, tetapi untuk hari ini definasi ini saya sarankan untuk umum.

Tuan Yang di-Pertua, kita sudah menuhkan Bank Pembangunan Islam, tetapi Bank Pembangunan Islam ini hanya satu langkah sahaja di dalam satu proses untuk suatu hari kelak kita mempunyai satu sistem ekonomi Islam. Apa yang saya cadangkan, setelah kita adakan Bank Pembangunan Islam di mana negara-negara Islam memainkan peranan menyalurkan modal-modal mereka untuk kepentingan bersama, di suatu waktu nanti akan sampai masanya pula apabila umat Islam di negara ini dapat memberikan sumbangan dan modal dan dapat bersama-sama mengamalkan ugamanya dengan terdirinya sebuah Bank Islam di mana wang-wang simpanan dapat diterima daripada individu-individu yang beragama Islam dan wang ini nanti dipinjamkan kembali, dan wang ini sewaktu tersimpan di dalam Bank dilaburkan begitu rupa dan keuntungannya dapat diperolehi oleh penyaliran-penyimpannya.

Saya berpendapat malah saya fikir, fikiran yang asal yang menyebabkan tumbuhnya Bank Pembangunan Islam ini, adalah dengan adanya satu contoh Bank Pembangunan Islam di Nid Gemrah di Egypt telah dipelopori oleh Dr Ahmad al-Nagar. Kita mengetahui walaupun masyarakat pada umumnya merasa diri mereka tidak mempunyai wang yang lebih untuk disimpan, tetapi ingin saya tekankan di sini manusia tidak menyimpan wang kerana berlebihan, tetapi manusia menyimpan wang kerana mempunyai tabiat baik sebagai orang yang jimat. Kerana, Tuan Yang di-Pertua, lebih awal dalam Dewan ini telah saya tunjukkan bukti ada di beberapa tempat di negara ini di mana Jaga-jaga Pintu dengan gaji yang lebih kecil daripada kerani telah dapat menyimpan wang begitu banyak dan wang ini telah dipinjamkan kepada kerani yang berpendapatan lebih dua-tiga kali ganda daripada Jaga-jaga Pintu itu. Ini menjadi bukti bahawa "savings is not out of surplus but

savings is a habit". Atas kepercayaan inilah maka Dr Ahmad al-Nagar telah menggalakan sifat jimat-cermat di kalangan rakyat di Nid Gemrah sehingga dalam masa 4-5 tahun depositors ataupun penyimpan wang di dalam Bank Islam di Nid Gemrah itu telah berjumlah 50,000 orang.

Ini menjadi bukti bahawa orang Mesir yang terlebih dahulu daripada itu tidak yakin mereka boleh menyimpan wang, tetapi apabila peribadi mereka dipupuk dan mereka diajar untuk berjimat-cermat, akhirnya dengan adanya Bank Islam yang mereka sendiri mendukungnya, banyak wang terkumpul sehingga Presiden Mesir di suatu waktu kemudian terpaksa memilik-negarakan Bank Islam ini, kerana ianya sudah merupakan ancaman-ancaman kepada politik beliau. Tetapi dimilik-negarakan Bank Islam di Nid Gemrah bukan bererti sudah gagal konsep Bank Islam. Al-hamdulillah di negara kita sudah mula mencatu langkah pertama dengan adanya Bank Pembangunan Islam, tetapi saya percaya masyarakat Islam di negara ini masih ingin, bukan sahaja untuk membiarkan negara-negara Islam membiayai Bank Islam, bahkan mereka sendiri ingin bersama-sama mendukung dan melabur atau menyimpan wang di dalam Bank Islam yang mereka menjadi penyimpanannya.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membicarakan mengenai inflasi, kita dengar di dunia ini banyak orang menyalahkan berbagai-bagai sebab maka adanya inflasi, tetapi orang lupa bahawa acceptable inflation rate adalah di dalam kadar 9% ataupun 10% dan inilah juga acceptable bank lending rate. Oleh sebab bunga atas pinjaman yang digunakan untuk usaha telah dimasukkan ke dalam harga-harga barang, maka secara automatik tahun demi tahun, masa demi masa interest-interest ini telah menimpa sehingga harga barang melambung tinggi, setengah daripadanya disebabkan oleh riba, tetapi oleh kerana masyarakat kita telah biasa dengan riba, we are too shy to blame interest for inflation. Walau bagaimanapun, dengan adanya Bank Pembangunan Islam bererti suatu perubahan besar sudah kita mulakan, dan saya percaya perubahan besar ini merupakan tapak pertama kepada perubahan-perubahan yang akan datang yang lebih besar sehingga di satu masa nanti Malaysia akan menjadi negara yang akan membuktikan kepada dunia bahawa "the

alternative to socialism is not capitalism; the alternative to capitalism is not socialism. There is Islam as the alternative—Islamic economic system".

7.10 mlm.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Bank Pembangunan Islam ini dan saya suka lah menyampaikan ucapan tahniah kepada Kerajaan kita yang telah memainkan peranan utama di dalam penubuhan Bank ini dan saya berseru supaya peranan ini dimainkan dengan lebih cergas dan lebih aktif lagi supaya Bank yang baru ini tidak akan menemui keagalannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka lah menyentuh perkara ini berhubung dengan Bank Pembangunan Islam ini dari implikasi, sosial, ekonomi dan politik, kerana pandangan-pandangan dari sudut ugama telah banyak diperkatakan terlebih dahulu daripada ini. Jika kita mendengar nama Bank ini, iaitu Bank Pembangunan Islam, maka dengan sekali pandang barangkali kita merasai bahawa Bank ini hanya semata-mata bertujuan membangunkan ekonomi penganut-penganut Ugama Islam, tetapi jika kita memandangnya dari skop (scope) yang lebih luas maka kita dapati tujuan Bank ini adalah membiayai pembangunan-pembangunan di negara-negara Islam. Bila kita menyebut pula Negara-negara Islam ini dan kita pandang dari sudut yang lebih luas, maka ia bermakna meliputi manusia, rakyat yang mendiami negara-negara di Asia, di Afrika Utara dan di negara-negara yang lain yang ada mempunyai umat yang berugama Islam. Jika kita balik pula kepada negara kita sendiri, iaitu negara Malaysia yang mempunyai rakyat yang berbilang bangsa yang menganuti berbagai-bagai ugama, jika Bank ini memberi sumbangannya pada masa yang akan datang untuk membiayai sebarang rancangan di negara ini kerana kita disifatkan sebagai sebuah negara Islam yang menganggotai Bank ini, maka nikmatnya tidaklah sahaja dirasakan oleh umat-umat yang berugama Islam ianya akan dirasakan oleh semua rakyat di negara kita ini. Ini patutlah difahami dengan mendalamnya, kerana jika kita memperkatakan Bank Pembangunan Islam ini dari segi kepentingan orang-orang Islam sahaja, barangkali adalah menimbulkan perasaan

curiga di kalangan yang lain. Saya harap perkara ini dapat difahami dengan pandangan yang lebih luas dan saya yakin apabila Bank Pembangunan Islam ini dapat berjalan dengan lancarnya, dapat memberi khidmat yang sepatutnya sebagaimana yang kita harap, maka ia akan memberi faedah-faedah yang besar kepada negara-negara anggota. Di antara faedah-faedah itu, Tuan Yang di-Pertua, suka-lah saya menimbulkkan beberapa di antaranya di sini.

Yang pertama, ia dapatlah membiayai sebarang rancangan yang dirancang di dalam negara-negara membangun, negara-negara Islam yang kebiasaannya tidak mendapat sumber-sumber kewangan yang cukup untuk membiayai pembangunan di negara masing-masing. Dengan adanya Bank ini maka negara-negara Islam yang lebih bernasib baik yang mempunyai kewangan yang lebih stabil sedikit akan dapatlah memberi sumbangan dan bantuan kepada negara-negara Islam yang lain yang memerlukan bantuan yang sepatutnya.

Yang kedua, Bank ini akan dapat membantu dalam usaha memupuk semangat bersatu-padu di kalangan negara-negara Islam. Ini adalah suatu perkara yang paling penting kerana sudah zaman-berzaman kita dengar bahawa negara-negara Islam ini sentiasa di dalam perpecahan, pergaduhan, pertelingkahan sesama sendiri. Mudah-mudahan dengan pertolongan dan izin Allah s.w.t. dengan usaha yang dijalankan dengan sumbangan yang diberi oleh Bank Pembangunan Islam ini maka negara-negara Islam dan khususnya umat Islam di seluruh dunia ini akan dapat disatupadukan dengan lebih erat dan lebih kukuh lagi kedudukannya.

Yang ketiga, ialah Bank Pembangunan Islam ini akan dapat menunjukkan kepada dunia bahawa kita, negara-negara Islam akan dapat, akan mencuba dan akan berikhtiar berdiri di atas kaki sendiri. Kita tahu dalam masalah inipun saya rasa satu perkara yang patut kita fikir secara serious dan kita anggap sebagai satu perkara yang penting. Selama ini boleh dikatakan negara-negara kecil, samada negara-negara itu negara Islam atau negara-negara itu tergolong di dalam negara membangun atau negara-negara yang dikenali sebagai developing countries. Negeri-negeri ini sepanjang masa dianggap mengharapkan

bantuan daripada negara-negara besar, negara-negara maju, negara-negara perusahaan samada negara itu negara kapitalis atau sosialis.

Banyak penubuhan-penubuhan bank di dalam usaha-usaha memberi bantuan ini, termasuk umpamanya di dalam Kumpulan Bank Dunia (World Bank Group) seperti I.B.R.D., A.D.B. dan sebagainya. Ini adalah ditubuhkan dengan usaha badan-badan dunia untuk memberi bantuan kepada negara-negara kecil untuk membiayai pembangunan di negara masing-masing. Satu perkara yang patut kita ingat di dalam bank-bank yang seumpama ini walaupun kita tidak dapat menafikan bahawa bank-bank ini telah memberi sumbangan yang besar dan negara kita pun patut mengucapkan terima kasih kepada bank-bank seumpama ini. Tetapi ada satu perkara yang saya perlu menyebutkan di sini bahawa bank-bank seumpama ini tidak lepas daripada campurtangan atau dipengaruhi oleh negara-negara besar, terutama seperti Amerika Sharikat dan lain-lain negara yang penting yang memberi sumbangan besar kepada bank-bank ini.

Dengan tertubuhnya Bank Pembangunan Islam ini kita dapat menunjukkan kepada dunia bahawa kita negara-negara Islam, terutama sekali negara-negara di dalam kumpulan Asia dan di Afrika Utara, beberapa negara Islam di sana, dapat bersatu-padu dan mencuba mengumpulkan wang dengan usaha sendiri untuk membiayai pembangunan negara-negara kita sendiri dan kita tidaklah dianggap sebagai negara-negara yang sentiasa meminta sedekah menunggu belas kasihan daripada negara-negara lain. Ini saya rasa dapat memberi pertolongan bagi membangunkan perasaan atau ketinggian moral negara-negara yang terlibat atau yang menganggotai Bank Pembangunan Islam ini.

Akhir sekali, saya suka-lah sekali lagi mengulangi ucapan tahniah saya yang tinggi-tingginya kepada pihak Kerajaan Malaysia kita yang mengambil daya usaha utama di dalam penubuhan Bank Pembangunan Islam ini. Jawatankuasa Persediaan yang ditugaskan di negara ini patutlah kita terima sebagai suatu penghargaan yang tinggi yang telah diberi oleh negara-negara Islam yang lain. Ini menunjukkan bahawa negara-negara Islam yang lain mempercayai kejujuran Malaysia sebagai sebuah

negara Islam yang benar-benar bertujuan hendak berikhtiar bersama-sama membangunkan negara-negara Islam yang lain. Begitu juga ini menunjukkan bahawa negara-negara Islam yang lain mempercayai atau mempunyai keyakinan bahawa kita mempunyai kemudahan-kemudahan pakar di negara kita ini, dan ini saya rasa patut diberi sanjungan kepada pakar-pakar ekonomi di negara kita yang mendapat kepercayaan, bukan sahaja di negara kita sendiri bahkan di negara-negara yang lain yang termasuk di dalam kumpulan negara-negara Islam semumpama ini.

Saya berdoa sekali lagi supaya Bank ini diberi restu oleh Allah s.w.t. dan akan mendapat kejayaan dan memberi khidmat yang kita harap-harapkan itu.

7.20 mlm.

Datuk Albert Mah (Bukit Bendera): (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I rise to support this Bill with a hope that some of the funds that have been obtained for the establishment of this Bank could be utilised for the purpose of making more people in Malaysia to understand the Islamic principles, because it is through understanding of each others' religions and their customs that we will be united together. This is most fundamental. There are a lot of unnecessary fears among the people because they do not know other people's religions or their customs. Speaking from experience, having served for 24 years in the Police Force, I could understand the feeling of other people on such matters.

I sincerely hope, Tuan Yang di-Pertua, that the Minister responsible for this will spend some time in ensuring that propagation of this principle is made known to the people, not only for the purpose of getting people to join it, but to let them know what this is all about, so that the action of anybody who tries to make use of this as a weapon to create disruption or disunity could be nullified.

7.22 mlm.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama untuk menyertai dalam perbahasan ini. Yang pertama, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kita

yang telah mengambil berat tentang khasnya perkembangan Islam dalam negeri ini dan khususnya mengenai perkembangan Bank Pembangunan Islam yang telah ditaja dan sehingga sampai peringkat ini telah membawa kenyataan kepada negara kita. Saya fikir dengan terwujudnya Bank Pembangunan Islam ini memberi satu gambaran yang nyata kepada rakyat negara kita dan kepada seluruh umat Islam di dalam dunia ini bahawa negara kita tidak ketinggalan dalam usaha-usaha untuk memaju dan untuk meninggikan taraf orang-orang Islam di dalam negara kita khasnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya nampak dalam penubuhan Bank Pembangunan Islam ini suatu peluang yang amat baik kepada umat Islam dan kepada rakyat negara kita seluruhnya bagi kepentingan ekonomi negara kita. Inilah satu peluang dan satu cara yang boleh menguntungkan negara kita ini untuk merapatkan hubungan negara kita dengan negara-negara Islam yang lain yang ada di dalam dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya telah memperkatakan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa wang yang banyak sekarang ini mencurah-curah pergi kepada negara-negara pengeluar minyak, khususnya kepada negara-negara Asia Barat, dan berkebetulan pula bahawa negara-negara Asia Baratlah yang banyak bercorak keislaman. Maka di dalam kesempatan ini saya harap kepada Kerajaan kita terus merapatkan hubungan dengan negara-negara tersebut dan terus dapat menarik pertukaran wang dan dapat menarik hubungan negara kita dengan negara-negara di Asia Barat bagi kepentingan negara kita, bagi menarik modal dan menarik wang daripada negara Asia Barat melalui Bank Pembangunan Islam ini bagi memajukan negara kita yang sedang maju ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam saat dan di dalam masa yang amat baik ini, di dalam saat seluruh negara ataupun seluruh dunia sedang menghadapi inflasi dan stagflasi ini, maka di saat ini amatlah bijak kalau Kerajaan dan negara kita mengambil kesempatan ini supaya dapat mengambil kesempatan daripada penubuhan Bank Pembangunan Islam ini memaju dan meninggikan taraf umat Islam di dalam negara kita ini. Di samping itu, saya yakin dan percaya apabila tertubuhnya bank ini, maka sudah tentu

pertukaran lawatan di antara anggota-anggota bank-bank yang terdapat di dalam dunia ini di negara-negara Islam yang lain, maka di dalam kesempatan ini dapat kita masukkan orang-orang kita dan dapat menarik perhatian negara-negara Islam yang lain untuk memberi perhatian lebih kepada negara kita. Jadi, saya berharap benar-benar kepada Kerajaan kita, khasnya kepada pihak yang bertanggungjawab dengan bank ini mempergunakan kesempatan yang baik ini sepenuhnya bagi meninggikan taraf umat Islam di dalam negara kita, dan menggunakan kesempatan yang sepenuh-penuhnya bagi meluaskan pengalaman bagi menarik perhatian lebih lagi, menarik perhatian orang-orang yang bukan Islam kepada Islam yang semua kita mengakui bahawa Islam ini adalah suatu agama yang baik yang boleh diikuti, yang boleh dianuti oleh seluruh umat manusia di atas muka bumi ini.

7.27 mlm.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop (Padang Rengas): Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang Bank Pembangunan Islam.

Kepada saya wujudnya Bank Pembangunan Islam ini ialah satu langkah yang bersejarah dalam kerja-kerja dan daya-usaha kita membina penyatuan dan perhubungan yang lebih rapi di antara negeri kita dengan negara-negara Islam. Oleh itu, saya berasa bangga dapat peluang menyuarakan ucapan tahniah dalam Dewan yang mulia ini terhadap Kerajaan Malaysia yang telah mengambil peranan yang utama dalam usahanya merancang, mengelola dan mewujudkan bank ini. Dan juga saya tidak lupa menghadapkan ucapan tahniah saya kepada bekas Perdana Menteri kita yang disayangi dan dikasihi Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman yang saya tahu telah menjadi penaja yang utama untuk mendirikan bank ini. Wujudnya bank ini bukanlah satu perkara yang senang dibuat, kerana hendak mengadakan bank yang disokongi oleh kebanyakan negara-negara Islam dalam dunia ini berkehendakkan perundingan, perhubungan antara beberapa negeri itu memakan masa yang lama.

Jadi kepada saya dan kepada rakyat negeri ini kita adalah sangat terhutang budi khasnya kepada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, yang saya percaya dalam masa beberapa tahun dengan tidak mengira-

kan tenaga dan masa telah mengorbankan dirinya di samping menjadi Setiausaha Secretariat Islam merancang dan berjumpa dengan ketua-ketua beberapa buah negara supaya mencari jalan dan mendapatkan sokongan yang sepenuh-penuhnya untuk menubuhkan Bank Pembangunan Islam.

Kepada Kerajaan Malaysia saya ucapkan tahniah kerana dengan mengambil peranan yang utama adalah membuktikan iaitu Kerajaan Malaysia mengutamakan perhubungan yang baik dan lebih rapat dengan negara-negara Islam dalam dunia ini, dahulunya yang kita tahu mengikut saluran agama sahaja, tetapi sekarang berubah kepada bidang-bidang yang lain seperti politik, ekonomi, kebudayaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kepada saya dengan adanya Bank Pembangunan Islam ini beberapa kepentingan dan beberapa kejayaan, insya Allah, akan dicapai oleh kita di negara ini dalam pergerakan dan perjalanan kita menuju kepada kebahagiaan, kemakmuran dan keselisaan rakyat dan negara.

Yang pertamanya, dengan adanya Bank Pembangunan Islam ini adalah menjadi satu bukti yang ternyata kepada orang ramai dan yang ternyata kepada dunia bahawa yang dilaung-laungkan kerjasama dan saling mengerti antara Malaysia dengan negara-negara Islam yang selalu kita baca dalam suratkhbar dan anggapan orang-orang, negara-negara Islam selalu bertelingkah, kebanyakannya tidak bersesuaian fikiran antara satu sama lain. Bank Pembangunan Islam ini menjadi satu bukti yang terang kepada orang ramai. Saya harap Kementerian Kewangan yang berkenaan dan Kerajaan selepas mengambil masa yang begitu panjang dan menumpukan tenaga untuk mendirikan bank ini, selepas wujudnya bank ini Kementerian yang berkenaan dan segala pihak-pihak yang bertugas secara langsung akan terus mengawasi dan menyumbangkan tenaga untuk bank ini menjadi sebuah bank yang akan berkembang dari satu masa ke satu masa, bukannya untuk kepentingan rakyat dan negara kita sahaja, tetapi untuk kepentingan seluruh negara-negara Islam dalam dunia ini.

Yang kedua, saya ambil peluang menyebutkan di dalam Dewan ini iaitu dengan adanya Bank Pembangunan Islam ini akan menggambarkan kepada orang ramai; saya bukan pakar dalam agama dan tidaklah

begitu dalam pengetahuan saya dalam agama, tetapi saya tahu ada ajaran agama mengatakan kepada orang-orang Islam, iaitu bekerjalah seolah-olah kamu akan hidup selamanya, dan buatlah ibadat seolah-olah kamu akan mati pada esok hari. Saya sebutkan perkara ini kerana seperti Tuan Yang di-Pertua sedia maklum pada masa yang lampau masa saya di bangku sekolah, saya telah diajar iaitu bagi orang-orang Islam dunia ini ialah untuk orang lain, dunia kita ialah dunia yang akan datang, (akhirat) tak payahlah kita mencari kekayaan dan kesenangan terlampau sangat dan sebagainya. Tetapi, insya Allah, dengan kita adakan latihan dan pelajaran yang menjadi daya-usaha utama dalam negeri kita untuk melatih anak-anak muda kita, dengan banyaknya kita menghantar penuntut-penuntut kita belajar, bukan sahaja menjadi jurutera atau menjadi doktor, tetapi juga berkenaan dengan agama ke negeri-negeri di Timur Tengah, fahaman berkenaan dengan agama, berkenaan dengan ajaran-ajaran agama telah beransur menjadi pandangan yang pada saya sebenar-benarnya iaitu kita mestilah, umpamanya, bersama dengan kaum-kaum yang lain untuk mencari kesenangan, untuk mencari kesesuaian dan untuk bekerja kerana mencari kekayaan dan harta. Dengan adanya Bank Pembangunan Islam ini satu bukti yang menunjukkan kepada orang ramai bahawa Agama Islam bukannya sahaja untuk sembahyang dan sebagainya, tetapi juga untuk mencari jalan, mencari kemakmuran dan mencari kesenangan.

Yang ketiga, saya mengambil peluang menyatakan bahawa dengan adanya Bank Pembangunan Islam tadi, saya ulangkan lagi, ini adalah menjadi satu sumbangan yang terpenting kepada segala tenaga dan daya-usaha kita untuk merapatkan perhubungan kita dengan negara-negara dan negara-negara di Timur Tengah, kerana kepada saya perhubungan yang baik ini sungguhpun antara negeri luar yang penting ialah perhubungan dengan segala negeri antarabangsa, tetapi kepada kita, iaitu oleh sebab kita beragama Islam dan oleh sebab ada perhubungan kita dengan negara-negara Arab berpuluh-puluh tahun, jadi perhubungan yang lebih rapat antara kita dengan negara-negara Islam adalah satu perkara yang terpenting. Dengan adanya Bank Pembangunan Islam ini akan menjadi satu sumbangan tambahan lagi untuk melebihrapatkan hubungan kita dengan negara-negara Islam.

7.36 *mlm.*

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian di dalam perbahasan atas Rang Undang-undang Bank Pembangunan Islam, dan saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, although Malaysia is a small country in the globe, our contribution to the Islamic World in the field of co-operation and understanding is very great. We have always worked towards creating more and closer understanding among our Islamic friends throughout the world.

We have, from our small land, offered our hands of friendship to other Islamic countries to make them understand the goodwill in friendship, harmony and understanding. We are proud, even though we are a small nation, to have given the Islamic World the first Secretary-General in the person of our former Prime Minister, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj by way of establishing closer relationship with the Islamic World.

Sir, with the establishment of the Islamic Development Bank, I feel we have rightly moved one step forward in establishing economic co-operation between nations of the Islamic World. Our participation in this Islamic Development Bank would also create more understanding by other participants in the concept of knowing our economic stability, and at the same time it will open the way for more trade for our products. I hope this Bank will also open up more routes for the promotion of our exports to other Islamic countries.

Sir, although our country is geographically small in size, we are proud that it is very "big" in heart. We have always extended our co-operation in the field of understanding to other countries. Tuan Yang di-Pertua, I hope, with the establishment of this Islamic Development Bank, all those countries within the context of the Islamic world will try to understand our ability, our political stability and also our economic stability. This would also give way for them to know more about our country and our products. I hope, Tuan Yang di-Pertua, that we will continue to maintain good relationships with the Islamic countries as we have maintained so far, and I also hope this Islamic Bank would be another stepping stone to improve not only our cultural and friendly ties but also of our

economic ties with other countries. I am proud to say here that we have all this while adopted a policy of "whichever is a good way that is our way".

7.40 mlm.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan yang matang dan luas atas perkara ini.

Tidak payahlah saya memberi komen-komen atas pandangan-pandangan masing-masing oleh kerana saya dapati bahawa semua Ahli dalam Dewan ini menyokong dengan sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang ini supaya Malaysia boleh menjadi anggota di dalam Bank yang tersebut. Walaupun saya sendiri bukan seorang yang beragama Islam, tetapi saya sendiri berasa bangga oleh kerana mendapat peluang mengemukakan Rang Undang-undang ini kepada Dewan pada petang ini dan oleh kerana Kerajaan dan pegawai-pegawai yang tertentu di dalam Kementerian Kewangan termasuk Bank Negara telah juga bekerja bersungguh-sungguh dan dengan ikhlasnya supaya menjayakan projek ini.

Saya berasa bergembira dan bangga juga oleh kerana banyak sahabat-sahabat saya khasnya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera dan Sungai Siput telah bangun menyokong Rang Undang-undang ini. Ini bermakna bahawa semua rakyat di Malaysia tidak mengira kaum dan tidak mengira agama memberi sokongan terhadap projek ini oleh kerana ini adalah yang akan memberi hasil dan faedah bukan sahaja kepada negeri ini bahkan kepada negeri-negeri Islam yang lain. Barangkali tidak payahlah saya bercakap dengan panjang lebar atas apa-apa prinsip yang akan dikenakan bila bank ini ditubuhkan dan akan mengadakan projek-projek permainan dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, barangkali saya boleh membacakan satu daripada ayat-ayat pramble surat perjanjian untuk menubuhkan Islam Development Bank. Ayat tersebut berbunyi seperti berikut:

"Being convinced in this context of the desirability of establishing an International Financial Institution which shall be development, investment and welfare-orientated, based on Islamic principles and ideals and a practical expression of the unity and solidarity of the Muslim Ummah"

Demikianlah maksud preamble kepada perjanjian ini bahawa prinsip-prinsip Islam akan dilaksanakan apabila bank ini ditubuhkan.

Oleh kerana ada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat menyatakan bahawa negeri ini boleh mendapatkan hasil ataupun faedah bila bank ini ditubuhkan, sukacita saya menerangkan di sini bahawa Kerajaan Malaysia telahpun memberi satu jaminan atau commitment bahawa Kerajaan Malaysia akan memberi sumbangan sebanyak \$16 juta Islamic Dinar ataupun bersamaan US\$19.27 juta. Ini ialah satu sumbangan yang Kerajaan sudahpun menyatakan akan beri kepada Bank Pembangunan Islam ini apabila ditubuhkan kelak.

Setakat ini sekali lagi bagi pihak Kerajaan ingin saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan atas perkara ini dan pandangan-pandangan itu akan dikaji dengan telitinya.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (No. 4)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.40 mlm.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Pendapatan, 1967" dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Akta Cukai Pendapatan, 1967 untuk membuat peruntukan berkenaan dengan mengenakan, selain dari cukai pendapatan, cukai keuntungan yang berlebihan atas pendapatan seseorang yang boleh dikenakan cukai yang melebihi had yang ditetapkan pada kadar 5%.

Rang Undang-undang ini juga mengadakan peruntukan-peruntukan bagi (a) seseorang isteri atau tiap-tiap seorang isteri, jika lebih daripada seorang isteri, yang tinggal bersama-sama dengan suaminya untuk memilih supaya ditaksirkan berasingan atas namanya mengenai pendapatan daripada pekerjaannya bagi mana-mana tahun taksiran; (b) penghapusan pengurangan sebanyak 10% yang masih ada bagi pemastautin perseorangan di Sabah atau Sarawak; (c) menaikkan nilai kemudahan tempat tinggal yang diberi oleh seseorang majikan kepada pekerjaannya daripada kadar maksima yang ada sekarang sebanyak 20% ke 30% daripada pendapatan seorang pekerja bagi tujuan taksiran cukai pendapatan pekerja itu; dan (d) pengurangan elaun-elaun bagi kereta-kereta motor dan pembayaran bonos sebagai perbelanjaan-perbelanjaan yang dibenarkan bagi maksud cukai pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua langkah-langkah ini telah diterangkan dengan lanjutnya oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawan pada 12hb November, 1974. Satu ringkasan berkenaan dengan langkah-langkah ini boleh didapati dalam Huraian kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

7.51 mlm.

Tuan Walter Loh Poh Khan (Selayang): (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I fully support this Income Tax (Amendment) (No. 4), Bill, 1974. However, in considering this Bill, I have to bring to the Honourable Minister of Finance a number of problems relating to their definitions and interpretation.

Asset Revaluation

It is unfair to include asset revaluation surpluses from Shareholders' funds because:

- (a) "Y" Company, for example, had some years ago, issued shares to provide funds to build a factory at a cost of \$200,000 and in 1973 revalued its factory to \$300,000;
- (b) "Z" Company issued shares in 1973 to provide funds to build a factory, identical in all respects as "Y"'s factory, at a cost of \$300,000; and
- (c) though "Y"'s factory costs in real value terms are the same as "Z"'s but "Y" will not receive any relief whereas "Z" will gain full relief.

Mr Speaker, Sir, the asset revaluation surplus due to inflation costs, combined with the declining value of money, cannot be contested to mean that the revaluation represents the true value of one's investment at present day prices even though the auditors would be satisfied that it represents the realisable value of "Y"'s factory.

Many companies' asset revaluations are no longer in existence, but under the Companies Act, 1965 and the Income Tax Act, 1967, records must be kept for 7 and 12 years respectively.

Revalued assets that were subsequently sold, and the proceeds are equal to the revalued figure. These realised revaluation surpluses should be identified and not excluded.

The above are not exhaustive but, inter alia serves as an indication of the problems that will face the Honourable Minister of Finance and the taxpayers if the asset revaluation surpluses are to be excluded from Shareholders' fund as it would involve a heavy volume of work as explained in the third and fourth paragraphs of my speech earlier on.

Mr Speaker, Sir, the term "Operating in Malaysia" need to be redefined because a non-resident company operating in Malaysia suffers a threshold of only \$200,000 whereas a non-resident company with only a dividend income from Malaysia, that is to say, the non-resident company has no office, branch, representative or agent in Malaysia, has the benefit of 25% of shareholders' funds. If this is the case, then how is the tax to be assessed on and recovered from such a company?

Mr Speaker, Sir, under this Bill it appears that the same income bears tax at each stage, for example, let us say that there are three companies in a group "X" being a subsidiary of "Y", which in turn is a subsidiary of "Z", the holding company. If each company has chargeable income of \$1,000,000 in a base period, before receiving the maximum dividend from its subsidiary, and assuming that each company has \$2,000,000 in shareholders' funds, the charge on excess profit tax will be as follows:

Company "X"

	\$	\$
Chargeable income		1,000,000
Income and Development Taxes	450,000	
Excess Profit Tax	25,000	475,000
Available for dividend ..		525,000

This Company will have to pay \$25,000 Excess Profit Tax.

Company "Y"

Chargeable income		1,000,000
Grossed up dividend from "X"		875,000
Total ..		1,875,000
Income and Development Taxes	800,000	
Excess Profit Tax—5% of \$1,375,000	68,750	868,750
Available for dividend ..		1,006,250

This Excess Profit Tax for the second subsidiary is \$68,750.

Company "Z" (Holding Company)

Chargeable income		1,000,000
Grossed up dividend from "Y"		1,677,083
Total ..		2,677,083
Income and Development Taxes	1,120,833	
Excess Profit Tax—5% of \$2,177,083	108,854	1,229,687
Dividend available for distribution ..		1,447,396

The holding Company has to pay Excess Profit Tax of \$108,854 making a total payment of this group company of \$202,604

whereas, if there is no group company, the Excess Profit Tax payable would be \$25,000 for each company making a total of \$75,000 only.

Mr Speaker, Sir, the term "Bonus" should be defined clearly, because in commercial practice there are many types of bonus payments such as incentive bonus and payments made under a profit sharing scheme. Many companies operate incentive bonus and payments made under a profit sharing scheme, and the purpose of this scheme are designed to increase productivity. It is obvious that under such schemes bonuses are paid out in excess of two months' basic salary and would thus be disqualified as a tax deductible expense.

Companies that introduce this scheme would surely consider seriously whether to continue the scheme or not, and I am sure many companies will cease to do so; as a result instead of taxing the rich, the Honourable Minister of Finance will be depriving the wage-earners from earning a higher income.

In conclusion, Sir, I fully support that the rich should be taxed more, but on the other hand, one must be also reasonable in raising or introducing taxes, so that no one company should be penalised, like the group company in respect of its asset revaluation, as I mentioned in my earlier paragraphs.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri akan menjawab pada hari esok.

Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, hari Jumaat, 20hb Disember, 1974.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.00 malam.

JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Tanggungaji Angkatan Tentera

1. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Pertahanan menyatakan samada ada apa-apa rancangan hendak mengkaji tanggungaji Angkatan Tentera untuk dinaikkan sejajar dengan kenaikan-kenaikan yang dibuat di dalam Perkhidmatan Awam.

Menteri Pertahanan (Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein): Kerajaan baru ini telah mengumumkan bahawa sebuah Suruhanjaya akan dibentuk untuk mengulang kaji dan menyelaraskan perakuan-perakuan Suruhanjaya-suruhanjaya Suffian, Aziz, Harun dan Jawatankuasa-jawatankuasa Tan Sri Sheikh Abdullah dan Tun Dr Abdul Aziz. Dengan penubuhan Suruhanjaya itu maka terpulanglah kepada Suruhanjaya itu untuk membuat kajian sewajarnya. Kementerian saya walau bagaimanapun akan membuat syor-syor kepada Suruhanjaya itu apabila ianya mula bertugas kelak.

Government recently announced that a Commission will be set up to review and co-ordinate the recommendations of the Suffian, Aziz and Harun Commissions and the Tan Sri Sheikh Abdullah and Tun Dr Abdul Aziz committees. With the setting of this Commission it is now left to it to make a study and make recommendations as it deems fit. My Ministry, however, will submit proposals to the Commission when it begins its sessions.

KEMENTERIAN KEWANGAN

K.W.S.P.—Penanaman Modal

2. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) samada beliau akan mengkaji semula Penanaman modal Wang Kumpulan Pekerja-pekerja dan dasar-dasar Kewangan untuk menjamin supaya pekerja-pekerja mendapat faedah yang penuh daripada simpanan mereka;
- (b) samada beliau akan menaikkan kadar faedah caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja-pekerja; dan
- (c) samada beliau akan membenarkan penggunaan caruman K.W.S.P. sebagai pertaruhan untuk membeli rumah-rumah oleh pencarum-pencarum.

Menteri Kewangan (Datuk Hussein bin Datuk Onn):

- (a) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dikendalikan oleh sebuah Lembaga yang bertanggungjawab terhadap pelaburannya, berasaskan dasar yang ditetapkan di dalam Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951. Lembaga cuba mendapatkan faedah setinggi-tinggi yang boleh daripada pelaburannya selaras dengan tanggungjawabnya sebagai pemegang amanah kumpulan wang tersebut dan menurut batasan-batasan yang ditetapkan dalam Ordinan tersebut.
- (b) Kadar faedah atas caruman adalah bergantung kepada keuntungan Kumpulan Wang itu. Kadar faedah ini ditetapkan selepas mempertimbangkan cadangan seorang aktuari berasaskan keuntungan pelaburan.
- (c) Lembaga telah beberapa kali mempertimbangkan cadangan untuk menggunakan carum K.W.S.P. sebagai wang pertaruhan (deposits) pembelian rumah-rumah. Tujuan utama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ialah untuk memberi jaminan keselamatan kepada pekerja-pekerja apabila mereka bersara nanti. Dari segi ini, Lembaga dalam beberapa tindakan telah menghalusi masalah tersebut untuk memastikan samada cadangan tersebut selaras dengan tujuan Kumpulan Wang pada keseluruhannya. Sehingga 1hb Januari, 1974, 64.2% pencarum-pencarum mempunyai kurang daripada \$1,000 di dalam akaun mereka. Dengan keadaan yang demikian, telah diputuskan cadangan tersebut tidak dapat diterima dari segi perinsipnya untuk perlaksanaan. Walaupun begitu, pencarum-pencarum yang telah meningkat 50 tahun umur mereka boleh mengeluarkan 1/3 daripada wang mereka untuk apa-apa tujuan.
- (a) The Employees Provident Fund is managed by a Board which is responsible for its investments, based on principles stated in the Employees Provident Fund Ordinance, 1951. The Board tries to ensure as high a return as is possible on its investments consistent with its responsibilities as a trustee of such funds and within the limits set out in the Ordinance.

- (b) The interest rate on contributions depends on the return on the Fund's investments. Such rate is fixed after taking into consideration the recommendations of an actuary based on such returns.
- (c) The Board has on several occasions considered the proposal that E.P.F. contributions be used as deposits for the purchase of houses. The main objective of the Employees Provident Fund is to provide some measure of security for the employees in their retirement. In this context the Board has on several occasions examined this problem to see whether such a proposal is consistent with the overall objective. As on 1st January, 1974, 64.2% of the contributors had less than \$1,000 standing to their credit. In these circumstances, it has been decided that the proposal cannot be accepted in principle for implementation. In any case, contributors who have reached the age of 50 can withdraw one-third of the funds standing to their credit for any purpose.

Peruntukan kepada Dewan Bandaraya

3. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang yang telah diperuntukkan kepada Dewan Bandaraya sejak penubuhan Wilayah Persekutuan serta jumlah wang yang akan diperuntukkan kepada Dewan Bandaraya pada tiap-tiap tahun dalam lima tahun yang akan datang.

